

**KESAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN KONSTRUKTIVISME
TERHADAP PRESTASI MURID TAHUN 5 DALAM MATA
PELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEBUAH SEKOLAH
RENDAH, DAERAH SANDAKAN**

HASIAH BINTI ARJANI

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2011**

**KESAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN KONSTRUKTIVISME TERHADAP
PRESTASI MURID TAHUN 5 DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU
DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH, DAERAH SANDAKAN**

HASIAH BINTI ARJANI

**PROJEK SARJANA YANG DIKEMUKAKAN KEPADA UUM COLLEGE OF
ARTS AND SCIENCES, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA SEBAGAI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN UNTUK IJAZAH
SARJANA SAINS (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**


**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2011**

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 1 Jun 2011

Tandatangan:



Nama: Hasiah Binti Arjani
No Matrik: 805186



Bidang Pengajian Pendidikan
UUM College of Arts and Sciences
(Universiti Utara Malaysia)

PERAKUAN PROJEK SARJANA
(*Certification of Masters Project*)

Saya yang bertandatangan di bawah, mempeperakukan bahawa
(*I, the undersigned, certify that*)

HASIAH ARJANI (NO. MATRIK : 805186)

Calon untuk Ijazah **Sarjana Pendidikan (Kurikulum & Pengajaran)**
(*candidate for the degree of*)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(*has presented his/her project paper of the following title*)


KESAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN KONSTRUKTIVISME TERHADAP

PRESTASI MURID TAHUN 5 DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU

DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH DAERAH SANDAKAN.

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(*as it appears on the title page and front cover of project paper is acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper*)

Nama Penyelia : **Dr. Mohd. Isha Awang**
(*Name of Supervisor*)

Tandatangan : 
(*Signature*)

Tarikh : **30 April 2011**
(*Date*)

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas projek ini adalah sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sains (Kurikulum dan Pengajaran) daripada Universiti Utara Malaysia. Saya Hasiah Binti Arjani bersetuju membenarkan Perpustakaan Universiti Utara Malaysia untuk membuat salinan kertas projek ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju membenarkan salinan sebahagian atau keseluruhan kertas projek ini bagi tujuan akademik, melalui kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, oleh Dekan, Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas sebahagian atau keseluruhan kertas Projek ini untuk tujuan mendapatkan keuntungan dan kewangan adalah tidak dibenarkan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada saya. Pernyataan yang sewajarnya kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang rujukan dibuat ke atas kertas projek ini.

Sebarang penggunaan bahan daripada kertas projek ini untuk tujuan penulisan, permohonan untuk mendapat kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan sebahagian atau keseluruhan haruslah dibuat dengan menulis kepada:

Dekan
Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
UUM College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, kertas projek ini berjaya disiapkan dengan bantuan dan kerjasama pelbagai pihak. Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia kertas projek ini, Dr. Mohd. Isha Awang yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang amat berharga dengan sabar dan ikhlas.

Sokongan dan kerjasama pelbagai pihak dalam menjayakan kajian ini amat dihargai terutama kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, warga sekolah tempat kajian terutama Guru Besar dan juga guru-guru Bahasa Melayu sekolah ini yang telah banyak memberi kerjasama dan tidak lupa juga kepada murid-murid Tahun 5 yang menjadi responden dalam kajian ini.

Terima kasih kepada semua rakan-rakan seperjuangan Program Sarjana Pengurusan Pendidikan dan Sarjana Kurikulum dan Pengajaran Kohort 2 terutamanya ahli kumpulan Sandakan yang banyak membantu. Dedikasi buat semua ahli keluarga yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung, teristimewa sekali buat suami tersayang, Gafar Yusof Pelamonia yang amat memahami dan banyak berkorban demi kesempurnaan kertas projek ini dan anak-anak tersayang Nur Amaleena, Nur Shaheera Amanee dan Mohd. Shayrazee. Semoga Allah SWT memberkati segala pengorbanan yang diberikan.

Wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu kajian eksperimental yang telah dijalankan di sebuah sekolah rendah di daerah Sandakan, Sabah. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui kesan pendekatan pembelajaran konstruktivisme terhadap pencapaian prestasi murid Tahun Lima dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas 1 khususnya dalam sistem bahasa. Tiga aspek utama yang dikaji iaitu dari sudut perbezaan pencapaian dalam kumpulan, perbezaan jenis ujian dan perbezaan jantina. Ketiga-tiga aspek ini diuji ke atas dua kumpulan yang berbeza dari sudut pendekatan pengajaran. Kumpulan Rawatan merupakan kumpulan eksperimen yang telah menjalani kaedah pendekatan pengajaran konstruktivisme selama lapan minggu dan pada masa yang sama Kumpulan Kawalan yang mengikuti kaedah pendekatan pengajaran secara tradisional diwujudkan sebagai kumpulan perbandingan dari aspek yang dikaji. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 80 orang murid lelaki dan perempuan dalam Tahun Lima yang terbahagi kepada dua kumpulan dan setiap kumpulan terdiri daripada 40 orang murid yang berbeza jantina bagi setiap kumpulan. Kumpulan rawatan terdiri daripada 17 lelaki dan 23 perempuan manakala kumpulan kawalan terdiri daripada 27 lelaki dan 13 perempuan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah dua set soalan objektif yang dikendalikan melalui dua fasa ujian iaitu ujian pra dan ujian pos. Ujian pra diberikan kepada kedua-dua kumpulan yang bertujuan untuk mengetahui tahap kesediaan dan pengetahuan sedia ada murid dalam subjek Bahasa Melayu Kertas 1 khususnya dalam sistem bahasa. Ujian pos pula diberikan kepada kedua-dua kumpulan setelah kumpulan rawatan tamat tempoh menjalani pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah pendekatan konstruktivisme selama lapan minggu. Data maklumat yang diperolehi telah diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian "Statistical Package For The Social Sciences" versi 19.0 dan penghuraian dibuat berdasarkan analisis deskriptif dan ujian-t. Antara dapatan kajian yang menarik dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pendekatan konstruktivisme melalui Kumpulan Rawatan ialah dapat meningkatkan pencapaian prestasi secara signifikan ($t(39) = -14.274, p < .05$) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas 1 berbanding pencapaian prestasi bagi Kumpulan Kawalan yang diajar menggunakan kaedah tradisional. Selain itu, keputusan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kedua-dua jenis ujian yang ditadbir melalui ujian pra dan ujian pos. Kajian ini juga mendapati tiada perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan pencapaian prestasi murid dalam kumpulan rawatan yang diajar menggunakan kaedah pendekatan pembelajaran konstruktivisme.

CONSTRUCTIVISM LEARNING APPROACH IMPACT IN BAHASA MELAYU SUBJECT ON YEAR 5 PUPILS' PERFORMANCE IN A PRIMARY SCHOOL, SANDAKAN DISTRICT

ABSTRACT

This study is an experimental survey that had been undertaken in a primary school in Sandakan district, Sabah. The purpose of this study is to know the learning impact of constructivism approach on Year Five pupil's achievement in Paper 1 Bahasa Melayu subject, especially in language system. Three main aspects that studied namely from difference achievements of group, types of test, and gender gap differences. This three aspects tested on two groups which be different approach of lesson angle. Remedial group is an experimental group who had undergone in constructivism approach method. The duration is in eight weeks and the Treatment group will be approach by a traditional method created as comparison group from the aspect that studied. Respondent in this study consisting of 80 pupils including boy and girl in Year Five that divided into two groups and every group consisting of 40 pupils which differ in gender to every group. Treatment group consisting of 17 boys and 23 girls, while control group consisting of 27 boys and 13 girls. Instrument that used in this study is two sets objective question that conducted by two examination phase namely pre test and post test. Pre test given to both groups which aims to know readiness level and pupil present knowledge in Paper 1 Bahasa Melayu subject. Post test on the other hand given to both groups after expiry treatment group under go teaching and learning by using constructivism method approach in eight weeks of time. Information data that achieved were processed and analyzed by using software "Statistical Package For The Social Sciences" version 19.0 and description made based on descriptive analysis and T-test. The fascinating of this study is it would enhance the achievement significantly ($t(39) = -14.274, p < .05$) in Paper 1 Bahasa Melayu subject, compared to the achievement of treatment group that taught in traditional method. Apart from that, results of the study also showed significant differences in both types of test that governed through pre test and post test. This study also found no differences in gender that significant between pupils in treatment group in constructivism method approach.

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

KEBENARAN MENGGUNA	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT (Terjemahan)	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Masalah	4
1.2 Penyataan Masalah	9
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Soalan Kajian	11
1.5 Hipotesis Kajian	12
1.6 Kerangka Konseptual	12
1.7 Kepentingan Kajian	14
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Definisi Operasional	16
1.10 Kesimpulan	18

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan	19
2.1 Konstruktivisme	19
2.2 Pendekatan Pengajaran Konstruktivisme	24
2.3 Model Pembelajaran dan Teori-teori Berkaitan	29
2.4 Model Konstruktivisme 5-Fasa Needham	32
2.5 Model Hipermedia	34
2.6 Teori-teori Berkaitan	38
2.7 Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan dengan Kesan Pendekatan Konstruktivisme	42
2.8 Kesimpulan	47

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	48
3.1	Reka bentuk Kajian	49
3.2	Populasi dan Persampelan	52
3.3	Instrumen Kajian	52
3.4	Kajian Rintis	55
3.5	Prosedur Memungut Data	57
3.6	Prosedur Menganalisis Data	57
3.7	Kesimpulan	59

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	60
4.1	Data Demografi	61
4.2	Analisis Statistik Deskriptif Pemboleh ubah Kajian	64
4.3	Analisis Hipotesis Kajian	66
4.4	Kesimpulan	72

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pendahuluan	74
5.1	Ringkasan Kajian	75
5.2	Penemuan Kajian	78
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	79
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	84
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	85
5.6	Kesimpulan	87

RUJUKAN		89
---------	--	----

LAMPIRAN A:	SURAT KEBENARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA	93
-------------	---	----

LAMPIRAN B:	SURAT KEBENARAN JABATAN PELAJARAN NEGERI SABAH	94
-------------	---	----

LAMPIRAN C:	SOALAN UJIAN	
-------------	--------------	--

LAMPIRAN D:	OUTPUT STATISTIK KAJIAN	
-------------	-------------------------	--

SENARAI JADUAL

PERKARA

MUKA SURAT

Jadual 1.0: Perbandingan Antara Pendekatan Pembelajaran Konstruktivisme dan Pendekatan Pembelajaran Tradisional	13
Jadual 3.0: Ringkasan analisis soalan mengikut aras Taksonomi Bloom	53
Jadual 4.0: Taburan responden mengikut jantina (n=80) secara keseluruhan	62
Jadual 4.1: Taburan responden mengikut jantina kumpulan (n=40)	63
Jadual 4.2: Taburan responden mengikut kumpulan (n=80)	64
Jadual 4.3: Perbandingan min skor ujian pra dan ujian pos di antara kumpulan Rawatan dan kumpulan Kawalan	65
Jadual 4.4: Analisis keputusan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pencapaian ujian pra secara keseluruhan	67
Jadual 4.5: Analisis keputusan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pencapaian ujian pos secara keseluruhan	68
Jadual 4.6: Statistik ujian-t sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan	69
Jadual 4.7: Ujian-t sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan	70
Jadual 4.8: Keputusan ujian-t jantina dengan skor pencapaian ujian pra dan ujian pos dalam kumpulan rawatan	71

SENARAI RAJAH

PERKARA	MUKA SURAT
Rajah 1.0: Kerangka Konseptual Kajian	12
Rajah 2.0: Penekanan Tujuan Pembelajaran Untuk Model-model Pengajaran Berasaskan Konstruktivisme	30
Rajah 2.1: Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham	32
Rajah 2.2: Model Hipermedia	35
Rajah 3.0: Kerangka Ujian	50

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pendidikan di Malaysia adalah berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, ianya merupakan suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Di samping itu, selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia.

Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Pendidikan Bahasa Melayu mempunyai potensi untuk dimartabatkan dan diperluas ke peringkat antarabangsa menerusi teknologi maklumat dan komunikasi.

Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan pelajar menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Pelajar mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kreatif. Matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah adalah untuk melengkapkan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial, dan urusan harian. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003).

Perubahan dalam Huraian Sukatan Pelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah telah cuba mengalihkan pemikiran para pendidik dengan mempelbagaikan kaedah, strategi, teknik dan pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seseorang guru Bahasa Melayu haruslah peka terhadap perkembangan ini dan perlu mempunyai kemahiran memilih kriteria-kriteria pengajaran dan pembelajaran dengan bijak supaya pilihan itu sesuai dengan pelajar yang mempunyai pelbagai kebolehan dan minat serta peka terhadap pembangunan dan reka bentuk kurikulum mengikut arus perubahan semasa.

Selaras dengan objektif mata pelajaran Bahasa Melayu, sekolah juga mensasarkan agar pelajar dapat:

- i. mendengar dan memahami pengucapan dengan teliti serta menghayatinya dalam konteks perbualan harian dan situasi formal;
- ii. bertutur dengan petah menggunakan sebutan dan intonasi yang betul dalam pelbagai situasi;
- iii. berbincang dan berkongsi pendapat untuk menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan, dan membuat keputusan tentang sesuatu perkara;
- iv. membaca pelbagai bahan sastera dan bahan bukan sastera dengan menggunakan teknik membaca yang sesuai dan berkesan untuk memperoleh ilmu dan memproses maklumat secara kritis;
- v. memupuk minat membaca sebagai satu amalan ke arah membina budaya pembelajaran berterusan;
- vi. memperkembang imaginasi, kreativiti, pemikiran kritis, dan penghayatan nilai murni melalui aktiviti bertutur, membaca, dan menulis;
- vii. mengenali dan menghasilkan pelbagai jenis penulisan kreatif dan berunsur pengetahuan dengan kemahiran menulis serta proses penulisan yang sesuai dan betul;
- viii. menggunakan bahasa baku meliputi tatabahasa, ejaan, kosa kata, serta sebutan dan intonasi yang betul dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis;

- ix. menghargai dan menghayati keindahan bahasa melalui karya sastera dan karya bukan sastera; dan
- x. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan kewarganegaraan.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002: 2).

Bagi mencapai objektif ini, guru-guru Bahasa Melayu haruslah merujuk pada dua dokumen penting yang telah disediakan oleh pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum atau dulunya dikenali sebagai Pusat Perkembangan Kurikulum iaitu Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, sekolah rendah.

1.1 Latar Belakang Masalah

Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5 yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2003) telah menyarankan beberapa kaedah, teknik dan kemahiran yang dapat diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal dengan memberikan fokus kepada Hasil Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Hasil Pembelajaran ini berteraskan kemahiran bahasa, iaitu Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, dan Kemahiran Menulis. Hasil Pembelajaran juga menggabungkan peraturan dalam Sistem Bahasa dan disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum.

Pengisian Kurikulum terdiri daripada elemen yang menggabungkan perkembangan terkini dalam pendidikan yang meliputi aspek ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan kontekstual. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, pendidikan nilai, kewarganegaraan, dan patriotisme diberi penekanan selaras dengan matlamat negara membangunkan masyarakat madani.

Menurut Abdul Rahim (1998) menyatakan bahawa faktor kegagalan guru dalam penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai menyebabkan pelajar berasa bosan, mengantuk dan berasa jemu. Menurutnya lagi, kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu mata pelajaran perlu menarik minat dan mencabar kebolehan pelajar. Kriteria amat penting untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran itu lebih bersifat kreatif dan inovatif bagi mengembangkan minda kritis dan kreatif pelajar. Pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar, iaitu penglibatan aktif seperti menyatakan idea, dan penulisan secara kritis boleh meningkatkan pencapaian pelajar dan merangsang minda dapat membantu pelajar memperoleh dan menguasai pengetahuan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Teori konstruktivisme merupakan suatu teori yang digunakan sebagai panduan dalam pendidikan. Dalam teori konstruktivis, terdapat beberapa prinsip asas iaitu pengetahuan dibina oleh para pelajar, setiap pelajar memiliki idea dan pengetahuan asas,

proses pembinaan pengetahuan melibatkan aspek sosial, dan guru merupakan fasilitator dalam pembinaan pengetahuan pelajar. Pendekatan penggunaan teori pengajaran dan pembelajaran seperti teori konstruktivisme ini memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan.

Berdasarkan pernyataan di atas, maka pengertian pembelajaran secara konstruktivisme bolehlah dirumuskan sebagai satu fahaman bahawa pelajar membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, pelajar akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru. Implikasi dari teori ini adalah pengajaran dan pembelajaran akan berpusatkan pelajar.

Pengetahuan yang ada pada pelajar adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh pelajar tersebut dan bukan pengajaran yang diterima secara pasif. Guru pula berperanan sebagai fasilitator yang membantu pelajar membina pengetahuan dan menyelesaikan masalah. Guru juga sebagai pereka bentuk bahan pengajaran yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk membina pengetahuan baru. Guru akan mengenal pasti pengetahuan sedia ada pelajar dan merancang kaedah pengajarannya dengan sifat asas pengetahuan tersebut.

Seterusnya ciri-ciri pembelajaran secara konstruktivisme adalah mengambil kira kepercayaan dan sikap yang dibawa oleh pelajar, menggalakkan pelajar bertanya dan berdialog dengan pelajar lain dan gurunya, menggalakkan proses inkuiri pelajar melalui kajian dan eksperimen, memberi peluang kepada pelajar untuk membina pengetahuan baru dengan memahaminya melalui penglibatan pelajar dengan situasi dunia yang sebenar, mengambil kira dapatan kajian tentang bagaimana pelajar belajar sesuatu idea, menyokong pembelajaran secara koperatif, menganggap pembelajaran sebagai satu proses yang sama penting dengan hasil pembelajaran, menggalakkan dan menerima daya usaha dan autonomi pelajar dan akhirnya menggalakkan soalan atau idea yang dimulakan oleh pelajar yang digunakan sebagai panduan merancang pengajaran.

Penggunaan teori konstruktivisme dalam pengajaran melatih daya pemikiran para pelajar dengan memastikan mereka tidak bergantung sepenuhnya pada guru untuk memindahkan ilmu pengetahuan. Selain itu, penggunaan teori tersebut juga melahirkan sikap yang positif dalam kalangan pelajar untuk menimba ilmu. Di samping itu, para pelajar akan menerima pendidikan yang lebih menyeluruh di mana mereka dilatih dari segi praktikal, sosial dan juga peribadi dan sikap mereka secara berkumpulan. Akhirnya, pendidikan konstruktivis menggalakkan budaya pembelajaran seumur hidup "*lifelong-learning*" menerusi penerapan semangat inkuiri dan ingin tahu dalam sanubari para pelajar.

Penggunaan teori konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran berhadapan dengan beberapa cabaran yang mungkin menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Akan tetapi, cabaran ini mampu diatasi dengan adanya kerjasama dan sikap yang positif oleh semua pihak. Cabaran bagi seseorang guru ialah merasakan mereka tidak mengajar dan segala penerangan mereka sudah tidak diperlukan lagi. Disamping itu, kawalan kelas juga merosot kerana murid-murid akan bebas memberi pandangan mereka. Seterusnya, amalan yang dimajukan dalam pembelajaran secara konstruktivisme dianggap tidak realistik lagi. Bagi guru yang sedang menukar cara pengajaran kepada pendekatan konstruktivisme haruslah memerlukan sokongan profesionalisme serta pengukuhan keyakinan daripada pihak sekolah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan pelajar yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan pelajar lebih faham, yakin, dan seronok untuk belajar sepanjang hayat. (Huraian Sukatan Pelajaran KBSR Bahasa Melayu Tahun Lima, 2003).

Kajian ini adalah untuk melihat kesan pendekatan pembelajaran konstruktivisme terhadap pencapaian prestasi murid Tahun 5 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam Bahasa Melayu Kertas 1 dan difokuskan pada kemahiran sistem bahasa yang terpilih. Sistem bahasa berfokus pada pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, kosa

kata, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, dan peribahasa. (Huraian Sukatan Pelajaran KBSR Bahasa Melayu Tahun Lima, 2003).

1.2 Pernyataan Masalah

Penilaian kejayaan seseorang guru semasa di bilik darjah sering kali diukur melalui skor ujian pencapaian pelajar. Kejayaan ujian itu pula memerlukan lebih banyak fakta pengetahuan daripada penggunaan pemikiran pada aras tinggi. Penekanan terhadap ujian mempengaruhi amalan guru mengajar, kadangkala sehingga mereka boleh mengubah kandungan subjek yang diajar itu untuk memenuhi keperluan ujian (Rowan, 1990).

Guru agak terdesak untuk menggunakan strategi pengajaran secara tradisional semata-mata untuk menghabiskan dengan segera silibus yang ditetapkan. Dalam situasi ini, pelajar tidak berupaya memindahkan atau mengaplikasikan pengetahuan kerana sekolah biasanya menggunakan pendekatan tersebut untuk membolehkan pelajar mencapai skor yang tinggi dalam peperiksaan (Hooper & Rieber 1999; Papert 2000).

Pengamalan sistem pendidikan berdasarkan peperiksaan di negara ini, menimbulkan kebimbangan banyak pihak terutamanya pakar pendidik. Ini kerana pelajar tidak lagi dididik untuk menghargai dan menghayati ilmu pengetahuan dan amalan belajar sepanjang hayat. Di kalangan guru-guru yang menguasai ilmu pengetahuan dan pedagogi yang terhad, mereka tidak mempunyai pilihan untuk melakukan pengajaran

yang luas dan oleh itu lebih suka kepada pengajaran secara tradisional (Talbert & McLaughlin 1993).

Beberapa ahli konstruktivisme yang terkemuka berpendapat bahawa pembelajaran yang bermakna itu bermula dengan pengetahuan atau pengalaman sedia ada murid. Dick (1997), menyatakan bahawa konstruktivisme hanya mencadangkan kaedah dalam mana persekitaran pembelajaran boleh disusun atur dan diurus supaya dapat membekalkan pelajar terbaik untuk belajar. Pembelajaran secara konstruktivisme lahir daripada pandangan mengenai cara manusia belajar yang dinyatakan berdasarkan teorinya yang menekankan bahawa manusia belajar lebih baik dengan membina pengetahuan secara aktif dengan mengaitkan maklumat baru yang diperolehi dengan maklumat lepas.

Kesimpulannya, satu kajian perlu dilaksanakan ke atas permasalahan sistem bahasa dalam subjek Bahasa Melayu Kertas 1 dengan menggunakan pendekatan pembelajaran konstruktivisme di kalangan murid sekolah rendah yang terpilih bagi mengetahui sejauh mana dan apakah pendekatan konstruktivisme ini mampu untuk mengubah peningkatan prestasi murid. Pengkaji memilih tajuk kesan pendekatan pembelajaran konstruktivisme terhadap prestasi murid Tahun 5 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Ia hanya merangkumi aspek sistem bahasa terpilih yang diperlukan bagi memastikan pelajar dapat menguasai sepenuhnya topik ini. Jenis kajian yang digunakan ialah kajian eksperimental.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini secara umum untuk mengkaji strategi pengajaran menggunakan pendekatan konstruktivisme yang dilaksanakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Secara khususnya, kajian ini bertujuan;

- (i) Mengetahui prestasi pencapaian murid di dalam topik Sistem Bahasa.
- (ii) Mengetahui sama ada pembelajaran berasaskan pendekatan konstruktivisme ini memberi kesan terhadap prestasi pelajar.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, beberapa soalan kajian dipertimbangkan untuk dijawab dalam kajian ini seperti di bawah;

- i) Adakah terdapat perbezaan pencapaian kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan secara keseluruhan?
- ii) Adakah terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian pra dan pos dalam kumpulan rawatan?
- iii) Adakah terdapat perbezaan pencapaian prestasi antara pelajar lelaki dan perempuan?

1.5 Hipotesis Kajian


Bagi menjawab persoalan kajian di atas maka hipotesis kajian berikut dibentuk. Terdapat tiga hipotesis kajian;

Ho1: Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pengajaran Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1 secara keseluruhan.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara min markah ujian pra dan min markah ujian pos dalam pendekatan konstruktivisme melalui Sistem Bahasa, Bahasa Melayu kertas 1 bagi kumpulan rawatan.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara murid lelaki dan murid perempuan dalam pendekatan konstruktivisme melalui Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1.

1.6 Kerangka Konseptual



Rajah 1.0: Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian adalah penting dirangka bagi menentukan halatuju kajian. Satu kajian yang dijalankan oleh Subdrah dan Malar (2005), terdapat lima perbezaan penggunaan teori pembelajaran Konstruktivisme dan teori pembelajaran Tradisional iaitu:

Pembelajaran Konstruktivisme	Pembelajaran Tradisional
Peranan guru sebagai pengurus ilmu.	Peranan guru sebagai penyebar ilmu pengetahuan.
Pelajar terlibat secara aktif mencari pengetahuan.	Pelajar sebagai pendengar pasif.
Aktiviti pengajaran adalah berpusatkan pelajar.	Aktiviti pengajaran berpusatkan guru.
Pelajar dapat mengaitkan fakta dengan pengetahuan sedia ada.	Pelajar menghafal.
Pelajar melakarkan peta konsep mengikut pemahaman konsep masing-masing.	Pelajar mencatat nota.

Jadual 1.0: Perbandingan Antara Pendekatan Pembelajaran Konstruktivisme dan Pendekatan Pembelajaran Tradisional

Kumpulan Rawatan menggunakan Pendekatan Pengajaran Konstruktivisme dan kumpulan Kawalan menggunakan Pendekatan Pengajaran Tradisional. Kedua-dua kumpulan akan ditadbir menggunakan ujian pra dan ujian pos. Hasil kajian yang dikehendaki adalah kesan pendekatan pembelajaran konstruktivisme terhadap pencapaian prestasi pelajar.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini diharap akan dapat membantu pihak-pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Tahun 5 khususnya di peringkat Sekolah Rendah. Dapatan kajian ini sangat penting kepada guru-guru Bahasa Melayu dan pelajar-pelajar yang diharap mampu melahirkan pelajar yang cemerlang. Perubahan persekitaran pembelajaran di kalangan pelajar di mana terdapat pelbagai media massa yang menyalurkan maklumat menyebabkan pelajar perlu melatih diri daripada tidak pandai berdikari dan pembelajaran berpusatkan pengajar kepada pelajar yang pandai belajar secara sendiri dan berpusatkan pelajar. Ia juga diharap akan dapat membantu pihak sekolah untuk digunakan sebagai bahan rujukan dan model pengajaran dan pembelajaran kepada tenaga pengajar agar ianya dapat diaplikasikan sebaik-baiknya di dalam bilik darjah.

Hasil kajian ini juga diharap boleh digunakan oleh guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan ketua panitia di sekolah sebagai panduan kepada mereka bagi merancang aktiviti tahunan. Ia juga diharap akan dapat digunakan oleh para pengkaji khususnya pengkaji baru sebagai bahan rujukan tambahan mereka. Selain itu, ia juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan dipamerkan di Pusat Sumber sekolah.

Selain itu, diperincikan kepada kepentingan terhadap pelajar, perlu ada kesinambungan pendidikan sehingga ke peringkat sekolah menengah bagi mengelakkan keciciran berlaku. Pelajar seharusnya memberi tumpuan penuh semasa proses pengajaran dan pembelajaran kerana ketika itu maklumat berguna diberikan secara berterusan

kepada pelajar. Pelajar perlu memahami isi kandungan silibus yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia kerana ianya telah disusun dengan teratur dan teliti yang seharusnya dapat melahirkan insan yang lengkap dalam pengetahuan asas.

Bagi guru mata pelajaran Bahasa Melayu, kajian ini penting bagi membantu meningkatkan kemahiran pengetahuan golongan guru khususnya guru Bahasa Melayu di sekolah rendah di dalam usaha memantapkan gaya pengajaran di dalam kelas. Ia juga dapat meningkatkan keberkesanan dan boleh dijadikan sebagai panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pula diharap akan dapat dijadikan sebagai rujukan khususnya dalam menyediakan kurikulum dan keperluan-keperluan yang mencukupi bagi melaksanakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap murid Tahun Lima dalam sebuah sekolah rendah di daerah Sandakan yang terdiri daripada murid lelaki dan perempuan. Mereka terdiri daripada 80 orang murid yang mempunyai kebolehan hampir sama dan telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Ujian Pra dan Pos digunakan untuk memungut data mengenai kesan pendekatan pembelajaran secara konstruktivisme. Kajian ini hanya benar bagi kumpulan pelajar ini sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak sesuai dibuat kesimpulan umum (generalisasi) kepada kumpulan pelajar lain (Ruzlan & Fuziah, 2009).

1.9 Definisi Operasional

Beberapa definisi konsep yang telah digunakan di dalam kajian ini yang merangkumi skop kajian. Ia didefinisikan seperti berikut:

1.9.1 Pendekatan

Pendekatan biasanya dimaksudkan dengan arah atau hala yang kita ambil untuk menuju sesuatu sasaran. Dalam pengertian yang lebih luas pendekatan juga diertikan sebagai "*to come near to in any sense*" atau jalan yang diambil untuk melakukan sesuatu. Pendekatan-pendekatan yang dipilih biasanya berasaskan teori-teori atau generalisasi yang tertentu.

1.9.2 Pembelajaran

Kamus Dewan (2005), pembelajaran bermaksud proses (kegiatan) belajar. Pembelajaran ialah perolehan tabiat, pengetahuan dan sikap. Ia melibatkan cara baru membuat sesuatu kerja dan ia bertugas dalam percubaan individu untuk mengatasi rintangan untuk menyesuaikan diri kepada situasi baru. Ia merupakan perubahan tingkah laku yang progresif sambil individu itu bertindak balas kepada situasi baru atau pelbagai situasi dalam usaha menyesuaikan tingkah laku dengan berkesan kepada permintaan yang dibuat terhadapnya (Crow dan Crow, 1983).

1.9.3 Murid

Kamus elektronik Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan murid sebagai orang atau anak yang sedang belajar atau berguru, pelajar atau penuntut.

1.9.4 Bahasa Melayu

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 2003)

1.9.5 Sistem Bahasa

Sistem bahasa berfokus pada pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, kosa kata, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, dan peribahasa. (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, Tahun 5)

1.9.6 Prestasi

Merupakan hasil yang telah diperolehi atau dicapai dan lain-lain atau pencapaian. (Kamus elektronik DBP)

1.9.7 Konstruktivisme

Kementerian Pelajaran Malaysia (2001), Konstruktivisme adalah suatu kefahaman atau konsep bahawa pelajar membina pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, pelajar akan menyesuaikan

pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru.

1.9.8 Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan lebih seronok untuk terus belajar sepanjang hayat.

1.10 Kesimpulan

Secara umumnya, pembelajaran melalui strategi pembelajaran Konstruktivisme adalah praktikal kerana kandungannya yang melibatkan pembelajarn berpusatkan pelajar. Guru hanya sebagai fasilitator. Dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab guru membentuk persekitaran pembelajaran yang aktif dan kolaboratif (Abdullah, 2000). Pemilihan sesuatu kaedah atau strategi harus digunakan dengan meluas berdasarkan kriteria-kriteria tertentu seperti gaya pembelajaran, tajuk pengajaran, jenis pengetahuan atau kemahiran yang hendak disampaikan, tahap pencapaian pelajar, persekitaran pembelajaran, nilai dan sikap yang ingin dipupuk. Sikap positif terhadap pelajaran yang dipelajari boleh dipupuk dengan mengambil iktibar dan azam yang kuat terhadap bidang yang diceburi. Seseorang pelajar perlu bersedia menerima sebarang teguran dan tunjuk ajar dari gurunya untuk memperbaiki kelemahan yang wujud. Sikap yang baik ini seterusnya akan membentuk insan yang cemerlang.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Dalam Bab ini membincangkan secara lanjut tentang literatur kajian berkaitan konstruktivisme, teori konstruktivisme, takrifan konstruktivisme, ciri-ciri pembelajaran konstruktivisme, model-model dan teori-teori yang berkaitan dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan amalan pendekatan pembelajaran konstruktivisme di dalam dan di luar negara.

2.1 Konstruktivisme

Kementerian Pelajaran Malaysia (2001), konstruktivisme adalah satu fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru.

Konstruktivisme timbul daripada anjakan paradigma teori behaviorisme kepada teori kognitivisme (Gagnon dan Collay, 2001). Daripada teori kognitivisme ini lahir

konstruktivisme (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001). Perbandingan perkaitan antara teori behaviorisme, teori kognitivisme dan teori konstruktivisme, didapati bahawa konstruktivisme merupakan teori yang menganggap bahawa pengetahuan tidak boleh wujud di luar minda pelajar tetapi dibina dalam minda berdasarkan pengalaman sebenar. Poh Swee Hiang (1997) (dalam Rizawati 2010).

Teori konstruktivisme merupakan suatu teori yang sering digunakan sebagai panduan dalam pendidikan yang bertujuan untuk menghasilkan modul pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dan berkesan. Beberapa prinsip asas dalam teori konstruktivisme ialah pengetahuan dibina oleh para pelajar, setiap pelajar memiliki idea dan pengetahuan asas iaitu pengetahuan sedia ada, proses pembinaan pengetahuan melibatkan aspek sosial, dan guru hanyalah bertindak sebagai fasilitator dalam pembinaan pengetahuan pelajar. Teori ini juga mampu melatih daya pemikiran para pelajar dengan memastikan mereka tidak bergantung sepenuhnya pada guru untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Penggunaan teori tersebut juga melahirkan sikap yang positif dalam kalangan pelajar untuk menimba ilmu.

Takrifan konstruktivisme berbeza-beza mengikut pegangan aliran pemikiran dan falsafah masing-masing. Di antaranya konstruktivisme personal atau sendiri. Osborne dan Wittrock (1985) (dalam Rizawati 2010), konstruktivisme sosial, Vygotsky (1978) dan konstruktivisme radikal, Von Glasersfeld (1995).

Antara takrifan konstruktivisme dalam pendidikan adalah pengetahuan individu dibentuk melalui interaksi sosial. Menurut Vygotsky (1978), menyatakan melalui interaksi sosial pemikiran individu akan bertambah bersama dengan pengetahuan sedia adanya dan membentuk pengetahuan baru.

Konstruktivisme adalah satu pendekatan pengajaran berdasarkan penyelidikan tentang bagaimana manusia belajar. Kebanyakan penyelidik berpendapat setiap individu membina pengetahuan dan bukannya hanya menerima pengetahuan daripada orang lain. (Mcbrien & Brandt, 1997).

Menurut Briner (2005), murid membina pengetahuan mereka dengan menguji idea dan pendekatan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada, mengaplikasikannya kepada situasi baru dan mengintegrasikan pengetahuan baru yang diperoleh dengan binaan intelektual yang sedia wujud. Oleh yang demikian, pembelajaran secara konstruktivisme berupaya membantu mood membina ilmu pengetahuan mereka sendiri.

Dalam teori konstruktivisme, penekanan yang diberikan kepada murid lebih daripada guru. Hal ini demikian kerana muridlah yang berinteraksi dengan bahan dan peristiwa dan memperoleh kefahaman tentang bahan dan peristiwa tersebut. Justeru, murid membina sendiri konsep dan membuat penyelesaian kepada masalah tersebut (Sushkin, 1999).

Menurut Von Glasersfeld (1995), melalui prinsip konstruktivisme ilmu pengetahuan dibina secara aktif oleh setiap individu berasaskan pengalaman yang dilaluinya. Pembinaan ilmu pengetahuan seseorang individu adalah hasil daripada proses modifikasi, penyesuaian, penyusunan dan pengorganisasian struktur pengalamannya yang lalu. Sehubungan dengan itu, pembelajaran secara konstruktivisme akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid sementara guru pula hanya berperanan sebagai fasilitator yang membimbing mereka membina ilmu pengetahuan ataupun menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Faktor yang paling penting dalam proses penerimaan maklumat baru adalah pengetahuan yang sedia wujud pada seseorang individu. Pengetahuan sedia wujud ini menjadi asas pemprosesan maklumat dalam pemikiran murid dan idea baru yang dipelajari akan disimpan secara berhubungkait dengan konsep yang sedia wujud. Ausubel (1963).

Menurut Piaget (1970), semua idea dan imej dalam minda individu diwakili melalui struktur mental yang dikenali sebagai skema. Skema akan menentukan bagaimana data dan maklumat ini sesuai dengan skema yang ada dan murid pula akan menyerap maklumat tersebut ke dalam skema ini. Maknanya, proses asimilasi berlaku terhadap maklumat baru yang diterima. Sekiranya maklumat baru tersebut tidak dapat diserasikan dengan struktur mental sedia wujud maka proses akomodasi pula berlaku - satu kerangka skema baru akan dibina oleh murid.

Brooks & Brooks (1993) mentakrifkan konstruktivisme sebagai teori tentang pengetahuan dan pembelajaran bukan merupakan teori pengajaran. Teori konstruktivisme menyatakan bahawa murid membina makna tentang dunia dengan mensintesis pengalaman baru kepada apa yang difahami oleh mereka sebelum ini. Mereka membentuk peraturan melalui refleksi tentang interaksi mereka dengan objek dan idea. Apabila mereka bertemu dengan objek, idea atau perkaitan yang tidak bermakna kepada mereka, maka mereka akan sama ada menginterpretasi apa yang mereka lihat supaya secocok dengan peraturan yang telah dibentuk oleh mereka atau mereka akan menyesuaikan peraturan itu agar mereka dapat menerangkan maklumat baru ini dengan lebih baik.

Nik Azis (1999) mentakrifkan konstruktivisme tidak lebih daripada satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina pengetahuan sendiri. Beliau menyatakan bahawa sesuatu pengetahuan yang dipunyai oleh seseorang individu adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh individu tersebut dan bukan sesuatu maklumat atau pengajaran yang diterima secara pasif daripada luar.

Satu ciri umum dalam takrifan konstruktivisme adalah berkaitan dengan penglibatan aktif pelajar dalam membina kefahaman. Menurut mereka lagi, konstruktivisme sosial yang merangkumi teori-teori pembelajaran dan pedagogi dikatakan mempunyai impak besar pada pengajaran dan reka bentuk kurikulum. Zurida, Syarifah Norhaidah & Mohd Ali (2006). Pendapat ini disokong oleh Boddy, Watson & Aubusson (2003) (dalam Rizawati 2010) menyatakan konstruktivisme sosial dapat membantu

individu atau pelajar menjadi lebih aktif serta dapat berfikir dengan menggunakan pemikiran aras tinggi.

2.2 Pendekatan Pengajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan lebih seronok untuk terus belajar sepanjang hayat.

Mengikut pendekatan pengajaran konstruktivisme, pelajar tidak boleh menjadi pasif dalam menerima ilmu yang dibekalkan oleh guru (Fosnot, 1996). Menurut beliau lagi, guru pula harus menjadi penyampai ataupun penyalur ilmu dan menguruskan kelas. Brooks & Brooks (1993) pula menggariskan lima prinsip penting dalam pendekatan pengajaran konstruktivisme. Pertama, pengajaran seharusnya bermula dengan memberi masalah yang relevan kepada pelajar. Masalah yang diberikan seharusnya menarik dan mencabar minda pelajar.

Kedua, aktiviti dan masalah seharusnya berteraskan konsep-konsep yang perlu dipelajari. Dengan cara ini pelajar lebih memahami konsep melalui konteks masalah yang ingin diselesaikan. Ketiga, guru-guru juga perlu menyediakan peluang kepada pelajar serta mengemukakan pandangan dan idea mereka berkaitan aktiviti yang dibuat.

Keempat, selepas mencungkil idea awal pelajar, guru perlu menyesuaikan pengajaran dengan pemikiran pelajar. Kelima, guru-guru juga digalakkan membina soalan-soalan yang mencabar bagi menguji pemikiran pelajar pada aras kognitif yang tinggi. Teknik penyoalan ini akan merangsang pembelajaran dan memastikan pembelajaran bermakna berlaku.

Menurut Abdul Rahim (1998) faktor kegagalan guru dalam penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai menyebabkan pelajar berasa bosan, mengantuk dan jemu. Pelajar sebenarnya berupaya menguasai, menyimpan dan memperolehi pengetahuan baru bagi setiap aktiviti pembelajaran yang dilakukan sekaligus membantu dalam pembinaan pengetahuan melalui pengalaman pembelajaran mereka.

Abdul Shukor (2003), untuk menjadikan pengajaran guru berkesan, guru-guru bukan sahaja perlu mempunyai isi pengetahuan yang mencukupi, tetapi mereka juga perlu mengetahui cara-cara untuk menterjemahkan pengetahuan itu kepada satu bentuk imej supaya pelajar boleh memahaminya dengan mudah dan menggunakannya dalam kehidupan sehari-harian.

Dalam satu modul yang diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2001), terdapat sembilan ciri pembelajaran konstruktivisme. Antara ciri-ciri tersebut diperincikan seperti berikut;

Ciri Pertama

Guru menggalakan soalan atau idea yang dimulakan oleh pelajar dan menggunakannya sebagai panduan merancang pengajaran. Ini bermakna guru perlu hanya menyediakan garis kasar dalam menyediakan rancangan pengajaran mereka. Seterusnya pelaksanaan pengajaran mereka bergantung kepada respon pelajar mereka.

Ciri Kedua

Guru perlu menggalakkan pelajar supaya berdialog dengan sesama mereka mahupun dengan guru. Ini dapat dipupuk bila guru memberikan pelajar satu masalah yang perlu diselesaikan oleh pelajar. Guru akan meminta pelajar memberi respon kepada persoalan yang ditanya. Pelajar adalah digalakkan untuk berbincang sesama mereka dalam memberikan idea masing-masing. Ini menunjukkan bahawa dalam pendekatan konstruktivisme, penglibatan pelajar adalah secara aktif dan bukan sekadar menjadi pemerhati dalam sesuatu pelajaran yang dipelajari.

Ciri Ketiga

Guru dan pelajar perlu menganggap proses pembelajaran adalah sama penting dengan hasil pembelajaran. Ciri ini bermaksud dalam pendekatan konstruktivisme, proses pengajaran dan pembelajaran itu sendiri amat penting kepada pelajar kerana pada waktu inilah pelajar akan berusaha untuk mencari penyelesaian kepada masalah serta membantu mereka berfikir secara kreatif dan kritis.

Ciri Keempat

Pendekatan konstruktivisme ini menyokong pembelajaran secara koperatif (kumpulan). Jika diperhatikan ciri-ciri dengan teliti, pendekatan konstruktivisme dan pembelajaran koperatif tidak mempunyai perbezaan ketara. Menurut Noor Shah Saad (2002), dalam pembelajaran secara koperatif, pelajar akan bekerjasama dalam kumpulan kecil dan menyelesaikan tugas yang diberikan. Pembelajaran secara berkumpulan akan membantu dirinya dan rakan-rakan kumpulan belajar bersama-sama untuk mencapai matlamat yang sama.

Ciri Kelima

Guru menggalakkan dan menerima daya usaha dan autonomi pelajar. Guru tidak perlu memandang rendah kepada usaha pelajar mereka walaupun sekiranya apa yang dilakukan oleh pelajar tidak menepati kehendak mereka. Ini akan membuatkan pelajar merasakan usaha mereka dihargai dan akan sentiasa bersemangat untuk mencuba lagi di lain hari.

Ciri Keenam

Guru perlu memberi peluang kepada pelajar untuk membina pengetahuan baru dengan memahaminya melalui penglibatan pelajar dengan situasi dunia yang sebenar. Bagi membantu pelajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah, guru perlu mendedahkan pelajar mereka dengan dunia sebenar di mana masalah berkaitan wujud.

Ciri Ketujuh

Guru boleh menggalakkan proses inkuiri pelajar melalui kajian dan eksperimen. Menurut Poh Swee Hiang (1997) (dalam Rizawati, 2010), kaedah eksperimen adalah salah satu kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar.

Ciri Kelapan

Guru perlu mengambil kira dapatan kajian tentang bagaimana murid belajar sesuatu idea. Ciri ini adalah penting bagi seorang guru supaya mereka tahu setakat mana kebolehan pelajar mereka mentaksir sesuatu masalah berkaitan topik yang diajar. Maklumat ini penting untuk guru kerana menurut Poh Swee Hiang (1997), konstruktivisme amat menegaskan kepentingan membina pengetahuan secara aktif melalui proses saling pengaruh antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran terbaru.

Ciri Kesembilan

Guru perlu mengambil kira kepercayaan dan sikap yang dibawa oleh pelajar. Atan Long (1980) berpendapat pengalaman adalah kesan yang terhimpun di dalam ingatan seseorang hasil dari penerimaan rangsangan, pembelajaran dan tingkah laku. Ketiga-tiga saling berkaitan kerana guru perlu memastikan kesemuanya dalam keadaan yang terbaik bagi mendapatkan hasil pelajaran yang maksimum.

2.3 Model Pembelajaran dan Teori-teori Berkaitan

Pelbagai teori dan strategi Pengajaran dan Pembelajaran yang boleh digunakan untuk memastikan pembelajaran menarik dan dapat dikuasai pelajar dengan melakukan pembelajaran aktif. Contoh pembelajaran aktif yang berpusatkan pelajar ialah seperti menggunakan teori Konstruktivisme Model Needham dan Model Hipermedia. Selain itu, model pengajaran seperti dicadangkan oleh Yager (1991), mencadangkan model empat fasa dalam pembelajaran konstruktivisme iaitu fasa pengenalan, fasa explorasi atau fasa meneroka, fasa penerangan dan penyelesaian dan fasa terakhir fasa membuat keputusan.

Bybee (1993) mencadangkan model pengajaran konstruktivisme lima fasa atau dikenali sebagai model konstruktivisme lima E's iaitu "*Engagement, Exploration, Explonation, Elaboration, Evaluation*". Buchanan dan Smith (1998) (dalam Rizawati, 2010) pula mencadangkan model empat fasa iaitu fasa pertama melibatkan pelajar meneroka masalah yang diberikan oleh guru. Pelajar akan menggunakan pengetahuan sedia ada untuk menyelesaikan masalah yang diberikan oleh guru. Fasa yang kedua pula melibatkan pelajar mencari bahan-bahan yang berkaitan dengan masalah yang diberikan oleh guru. Bahan-bahan yang dicari dapat memberikan konsep-konsep penting kepada menyelesaikan masalah. Fasa yang seterusnya, pelajar akan merancang dan membuat aktiviti untuk menyelesaikan masalah. Fasa yang terakhir pula fasa refleksi iaitu pelajar akan membandingkan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baru yang mereka dapat. Begitu juga dengan Summers dan Kruger (1994), (dalam Rizawati, 2010) menggunakan model empat fasa dalam kajian mereka iaitu fasa pencetusan idea, fasa gantian idea, fasa penstrukturan semula idea dan fasa aplikasi idea.

Beberapa model pembelajaran lain juga dicadangkan bagi menggalakkan perubahan konseptual dalam pengajaran menggunakan pendekatan konstruktivisme. Antaranya model konstruktivisme 5 fasa Needham, model pengajaran generatif, model pengajaran interaktif, model pengajaran pembelajaran koperatif, model pengajaran pemetaan konsep, model pengajaran sains, teknologi dan masyarakat, model pengajaran kitaran pembelajaran dan model pengajaran penyebatian kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Rajah 2.0 menunjukkan penekanan tujuan pembelajaran untuk model-model pengajaran berasaskan konstruktivisme;

Bil	Model pengajaran	Penekanan tujuan pembelajaran
1	5 Fasa Needham	Guru menyediakan peluang kepada pelajar menerokai secara langsung dalam aktiviti.
2	Generatif	Membanding pandangan pelajar dengan pandangan saintis.
3	Interaktif	Menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pelajar.
4	Pembelajaran koperatif	Menggunakan kemahiran analitis dan penilaian secara bekerjasama.
5	Pemetaan konsep	Mengaitkan pengetahuan baru dengan pengetahuan terdahulu secara bermakna.
6	Sains, teknologi dan masyarakat	Mengaplikasikan pengetahuan sains dan teknologi pada isu sosial.
7	Kitaran pembelajaran	Mengadakan kegiatan inkuiri bersesuaian dengan perkembangan kognitif pelajar.
8	Penyebatian kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif	Meningkatkan proses dan kemahiran berfikir melalui kandungan mata pelajaran.

Rajah 2.0 : Penekanan Tujuan Pembelajaran Untuk Model-Model Pengajaran

Berasaskan Konstruktivisme

(Sumber: Rizawati Abdul Halim, 2010)

Zurida, Syarifah Norhaidah & Mohd Ali (2006) merumuskan bahawa kebanyakan model pengajaran konstruktivisme mencadangkan langkah-langkah berikut; Pertama, mengenalpasti idea, pandangan dan minat pelajar melalui temu bual, soalan interaktif, tinjauan, peta konsep, soalan-soalan yang dikemukakan oleh pelajar dan sumbang saran.


Kedua, memberi respon dan interaksi dengan pemikiran pelajar iaitu melalui membina hubungan atau perencah (*scaffolding*) bagi membolehkan pelajar membina idea baru, menganalisis masalah konseptual, memperkenalkan model yang berbeza ataupun analogi dan membina ataupun menilai konsepsi alternatif.

Ketiga, merangsang pelajar dengan cara menggalakkan kreativiti melalui aktiviti seperti aktiviti *hands-on* bagi mencetuskan minat, menggalakkan pelajar mengambil risiko, menggalakkan kebolehan metakognitif dan menggunakan strategi pembelajaran koperatif.

Keempat, membuat refleksi atau penilaian sendiri. Kelima, menilai pelajar dengan pelbagai cara iaitu penilaian ini digunakan bagi mengetahui samada pelajar-pelajar dapat mengekalkan idea-idea baru dipelajari serta mengetahui prestasi mereka. Keenam, menguruskan perancangan bagi menggabungkan idea-idea dalam sesi pengajaran. Ketujuh menguruskan perbincangan kumpulan kecil.

2.4 Model Konstruktivisme 5-Fasa Needham

Model pengajaran dan pembelajaran konstruktivisme 5-Fasa ini dicadangkan dalam "Children's Learning in Science Project (CLIS)" oleh Needham (1987). Projek ini bertujuan untuk menguji skema pengajaran guru. Beliau mencadangkan lima fasa dalam model pengajaran konstruktivisme iaitu fasa orientasi atau set induksi, fasa pencetusan idea, fasa penstrukturan semula idea, fasa aplikasi idea dan fasa refleksi seperti rajah 2.1 di bawah;



Rajah 2.1: Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham

(Sumber: Needham 1987)

Model Konstruktivisme Lima fasa Needham diperincikan seperti berikut:

Orientasi

Guru menyediakan suasana pembelajaran untuk menimbulkan minat pelajar terhadap pelajaran. Cara yang boleh digunakan ialah dengan menunjukkan tayangan video, keratan akhbar, tayangan filem, soal jawab dan sebagainya.

Pencetusan idea

Guru perlu mengadakan aktiviti seperti perbincangan dalam kumpulan kecil, menggunakan kaedah peta konsep serta membuat laporan dengan menghubungkan kaitkan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baru yang akan mereka belajar. Pelajar akan berbincang dalam kumpulan dan berkongsi pengalaman yang sama serta interaksi yang rapat antara satu sama lain. Guru memainkan peranan sebagai fasilitator atau pembimbing dengan membekalkan bahan dan membimbing pelajar untuk membuat pembelajaran inkuiri.

Penstrukturan Semula Idea

Guru menyediakan aktiviti atau memberi tugas berstruktur untuk idea asal mereka atau idea daripada rakan, dan membina struktur pengetahuan sendiri yang lebih bermakna dan berkesan. Dalam fasa ini kemahiran bahasa akan membantu pelajar membuat pengubahsuaian atau penyusunan semula idea secara urutan, peranan guru ialah mengukuhkan konsep atau idea yang tepat.

Aplikasi Idea

Pelajar akan mengaplikasikan pengetahuan baru dengan menyelesaikan masalah. Ini akan mewujudkan pemahaman yang baru dan menggalakkan inkuiri dalam kalangan pelajar.

Refleksi


Pelajar akan membandingkan pengetahuan asal dengan pengetahuan baru dan alih proses pembelajaran yang menyebabkan perubahan kepada mereka. Pelajar juga boleh membuat refleksi untuk melihat sejauh mana idea asal yang mereka telah berubah. Guru boleh menggunakan kaedah penulisan sendiri, perbincangan kumpulan dan catatan peribadi pelajar untuk meneliti tahap pemahaman pelajar.

2.5 Model Hipermedia

Dalam teori konstruktivisme, ianya melihat pembelajaran itu sebagai proses mencari makna yang berkaitan dengan isu-isu yang berlaku di sekitar kehidupan pelajar. Teori ini juga menekankan aspek pengalaman dan persekitaran yang dapat menggalakkan pembelajaran. Salah satu bentuk model pembelajaran yang menyokong teori konstruktivisme ialah Model Hipermedia yang diperkenalkan oleh Spiro (1992).

Model ini berperanan di mana pembelajaran boleh berlaku pada aras yang lebih tinggi seperti yang ditekankan oleh teori konstruktivisme. Model ini memberi tumpuan

kepada proses pembelajaran berasaskan teknologi multimedia dan internet. Proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan perkara-perkara berikut;



Rajah 2.2: Model Hipermedia (Sumber: Spiro, 1992)

Perincian Aplikasi Model Konstruktivisme Hipermedia bagi rajah 2.2 di atas adalah seperti berikut;

Menetapkan Domain

Di dalam fasa menetapkan domain, ianya merujuk kepada tiga domain utama iaitu domain kognitif, afektif, dan psikomotor. Di dalam fasa ini juga, ianya terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat pertama; Menentukan kes-kes yang terbabit di dalam domain. Pada peringkat ini, guru akan cuba mengenalpasti terlebih dahulu kes-kes tertentu dan mengelompokkannya di dalam domain. Peringkat kedua; Mengenal pasti

kelemahan pelajar. Guru akan menjalankan ujian diagnostik bagi mengenali kekuatan dan kelemahan pelajar dan peringkat ketiga; Merancang aktiviti pengajaran sama ada di peringkat pendedahan, pengayaan atau pemulihan yang bersesuaian dengan taksonomi Bloom dan juga KBT. Pada peringkat terakhir ini, guru akan menjadikan model Taksonomi Bloom sebagai asas dan sentiasa meyerapkan kemahiran bernilai tambah di dalam rancangan pengajaran.

Menentukan tema dan perspektif

Menetapkan apa yang hendak dicapai selepas sesuatu pengajaran. Misalnya, mengolah bahan. Bahan yang diolah mestilah ditentukan berdasarkan tema yang sesuai. Bahan yang diolah juga seharusnya bersifat autentik bagi membantu pelajar memindahkan maklumat yang diperolehi keluar daripada ruang lingkup pembelajaran. Bahan pembelajaran yang diwujudkan oleh guru adalah bersifat maujud atau konkrit.

Kuasa kawalan

Pada peringkat ini, murid-murid meneroka alam siber berdasarkan tugas yang diberikan oleh guru. Guru bertugas sebagai moderator dan juga fasilitator. Guru perlu memberikan tunjuk cara atau demonstrasi yang berkesan dan jelas kepada murid. Guru juga turut sama mengambil bahagian. Guru juga perlu bergiat secara langsung bersama-sama murid.

Pemetaan laluan

Pada peringkat ini, guru terlebih dahulu menyediakan dan menyusun alamat-alamat tapak yang perlu dilawati. Memberikan kata kunci kepada murid-murid untuk digunakan pada kotak pencari seperti Yahoo atau Alta Vista dan mesin pencari serta jaringan perayau yang lain. Guru perlu membantu dan mengawal selia murid-murid bagi mengelakkan murid tersesat dan keliru. Dalam aktiviti menyelesaikan tugas, guru sentiasa membantu dan prihatin terhadap tanggungjawab dan tugas yang diberikan kepada murid.

Refleksi

Pada peringkat ini, guru membuat kesimpulan berdasarkan objektif pengajaran. Menyedarkan murid-murid tentang proses dan aktiviti yang telah mereka lalui berdasarkan domain pembelajaran. Guru akan merumuskan isi pelajaran dan memberikan motivasi kepada murid-murid selepas selesai sesuatu aktiviti pembelajaran.

Pendekatan konstruktivisme dikatakan berupaya mengubah sikap memindah maklumat secara pasif kepada yang lebih aktif dengan menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang dapat mempertingkatkan kemahiran berfikir tahap tinggi (*high-order thinking skills*). Aliran ini juga percaya bahawa pengajaran pembelajaran yang bertumpu kepada penglibatan multisensori pelajar dan persekitaran pembelajaran yang interaktif dan eksploratori dapat membantu meningkatkan kemahiran yang dimaksudkan. Justeru, penggunaan laman web yang mempunyai ciri-ciri hipermedia, hiperteks dan hiperlink amat sesuai dengan konteks konstruktivisme ini.

2.6 Teori-teori Berkaitan

2.6.1 Teori Pembelajaran

Pembelajaran ialah proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Proses pembelajaran berlaku sepanjang hayat seseorang manusia. Proses pembelajaran berlaku di mana-mana tempat dan pada sebarang masa. Melalui pembelajaranlah ianya dapat membawa kepada perubahan pada diri seseorang.

Arif Sukardi (1987) menyatakan bahawa terdapat beberapa sebab teori-teori pembelajaran ini perlu dikuasai oleh guru, antaranya ialah teori pembelajaran membantu guru memahami proses pembelajaran yang berlaku di dalam diri pelajar itu sendiri. Guru dapat memahami keadaan dan faktor yang mempengaruhi, mempercepatkan atau melambatkan proses pembelajaran seseorang. Guru dapat membuat ramalan yang tepat tentang hasil yang diharapkan dari proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Clark & Solomon (1986) menyatakan bahawa sudah ada anjakan paradigma dalam pembangunan sistem pengajaran iaitu dari teori behaviorisme ke kognitif dan ke konstruktivisme.

2.6.2 Teori Konstruktivisme

Teori Konstruktivisme merupakan suatu teori yang digunakan sebagai panduan dalam pendidikan bertujuan untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang aktif seterusnya bermakna. Beberapa prinsip asas dalam teori konstruktivisme ialah pengetahuan dibina oleh para pelajar. Setiap pelajar memiliki idea dan pengetahuan asas iaitu pengetahuan sedia ada, proses pembinaan pengetahuan melibatkan aspek social dan guru hanyalah berperanan sebagai fasillitator.

Teori pembelajaran konstruktivisme melatih daya pemikiran para pelajar dengan memastikan mereka tidak bergantung sepenuhnya pada guru untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Penggunaan teori tersebut juga melahirkan sikap yang positif dalam kalangan pelajar untuk menimba ilmu. Di samping itu, para pelajar akan menerima pendidikan yang lebih menyeluruh di mana mereka dilatih dari segi praktikal, sosial, peribadi dan sikap mereka secara berkumpulan. Akhirnya, pendidikan konstruktivisme menggalakkan budaya pembelajaran seumur hidup menerusi penerapan semangat inkuiri dan ingin tahu dalam diri para pelajar.

Pembelajaran secara konstruktivisme lahir daripada pandangan mengenai cara manusia belajar. Ilmu pengetahuan dibina secara aktif oleh individu yang berfikir dan seorang pelajar akan menyesuaikan sebarang maklumat baru yang diperolehinya dengan pengetahuan sedia ada untuk membentuk pengetahuan baru dalam mindanya dengan bantuan interaksi sosial bersama rakan dan gurunya. Von Glasersfeld (1995)

menyatakan melalui prinsip konstruktivisme, ilmu pengetahuan dibina secara aktif oleh setiap individu berasaskan pengalaman yang dilaluinya.

Menurut Briner (2005), murid membina pengetahuan mereka dengan menguji idea dan pendekatan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada, mengaplikasikannya kepada situasi baru yang diperoleh dengan binaan intelektual yang sedia wujud. Oleh yang demikian, pembelajaran secara konstruktivisme berupaya membantu mood membina ilmu pengetahuan mereka sendiri. Ini bermakna, sesuatu ilmu pengetahuan yang dimiliki seseorang individu adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh individu tersebut dan bukannya sesuatu maklumat atau pengajaran yang diterima secara pasif dari luar kerana ilmu pengetahuan tidak boleh dipindahkan dari pemikiran seseorang individu kepada pemikiran individu yang lain. Sebaliknya, setiap individu membentuk ilmu pengetahuannya sendiri dengan menggunakan pengalamannya secara terpilih (Nik Azis, 1999).

Konstruktivisme percaya bahawa pelajar tidak lagi dianggap belajar daripada apa yang diberikan oleh guru atau sistem pengajaran tetapi secara aktif membina realiti mereka sendiri dan pada masa yang sama mengubahsuai realiti tersebut. Menurut McBrien & Brandt (1997), konstruktivisme adalah satu pendekatan pengajaran berdasarkan kepada penyelidikan tentang bagaimana manusia belajar. Kebanyakan penyelidik berpendapat setiap individu membina pengetahuan dan bukannya hanya menerima pengetahuan daripada orang lain.

2.6.3 Teori Perkembangan Kognitif Piaget

Menurut Piaget (1970), minda kanak-kanak mempunyai struktur kognitif atau skemata yang sentiasa berkembang melalui proses asimilasi dan akomodasi. Asimilasi merupakan satu proses kognitif yang membolehkan seseorang mengintegrasikan persepsi baru atau kejadian stimulus ke dalam skemata yang sedia ada. Jika ciri stimulus ini tidak sesuai dengan skemata yang sedia ada, seseorang itu boleh membina skemata baru atau memodifikasikan skemata yang sedia ada. Proses asimilasi dan akomodasi mesti seimbang untuk memastikan kecekapan interaksi antara kanak-kanak dengan alam sekitar. Ketidakseimbangan yang berlaku antara asimilasi dan akomodasi menyebabkan kanak-kanak terus didorong untuk mencapai keseimbangan. Untuk mencapai keseimbangan, kanak-kanak perlu mengasimilasi atau mengakomodasi stimulus yang diterima. Oleh sebab itu, struktur kognitif kanak-kanak dibina sedikit demi sedikit semasa kanak-kanak berinteraksi dengan persekitaran dan seterusnya cuba untuk mencari makna.

2.6.4 Teori Pembelajaran Ausubel

Ausubel (1963) berpendapat bahawa faktor yang paling penting dalam proses penerimaan maklumat baru adalah pengetahuan yang sedia wujud pada seseorang individu. Pengetahuan sedia wujud ini menjadi asas pemrosesan maklumat dalam pemikiran murid dan idea baru yang dipelajari akan disimpan secara berhubung (berkaitan)

dengan konsep yang sedia wujud. Oleh itu, idea menghubungkan kait antara ilmu pengetahuan lama dan baru sewaktu proses pengkonsepan perlu diketengahkan. Melalui konstruktivisme, guru akan mengenal pasti tahap pengetahuan murid dan dapat merancang kaedah pengajarannya berdasarkan tahap sifat atau ciri pengetahuan tersebut. Ilmu pengetahuan yang dimiliki murid adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh mood tersebut dan bukannya pengajaran yang diterima secara pasif.

2.7 Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan dengan Kesan Pendekatan Konstruktivisme

Dalam kajian sama ke atas pelbagai subjek kajian di dalam dan di luar negara telah dilakukan, menunjukkan pelaksanaan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran memberi impak dan implikasi positif.

Subadrah dan Malar (2005) dalam kajian mereka Penggunaan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham, 1987) dalam pembelajaran Sejarah Tingkatan Empat mendapati model ini sangat berkesan dan dapat membantu pelajar memahami konsep dan menguasai isi kandungan tajuk pelajaran Sejarah dengan baik. Dapatan kajian ini juga membuktikan penglibatan pelajar secara aktif sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu mereka memperkukuhkan pemahaman dalam subjek Sejarah dan seterusnya dapat meningkatkan minat terhadap subjek tersebut.

Kajian Mad Rosli (2009), mendapati penggunaan Model Needham (1987) dapat meningkatkan pencapaian subjek kumpulan rawatan secara signifikan dalam pengajaran Bahasa Melayu berbanding pencapaian subjek kumpulan kawalan. Minat dan kerjasama dalam kumpulan rawatan yang memaksimumkan penggunaan Model Needham (1987) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu turut meningkat secara signifikan.

Kajian dijalankan oleh Hajira Bee dan Ong (1998) mendapati amalan dalam bilik darjah kini semakin dipengaruhi oleh perubahan kurikulum dalam bidang pendidikan berteraskan teori konstruktivisme. Ciri-ciri yang terdapat dalam proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan konstruktivisme boleh meningkatkan kefahaman dan pembinaan makna dalam kalangan pelajar, mengembangkan daya pemikiran secara kritis dan kreatif, membuat keputusan serta meningkatkan kemahiran proses belajar.

Suraya (2002), (dalam Rizawati, 2010) juga telah menjalankan kajian bagi melihat sejauh mana persepsi responden terhadap amalan pendekatan konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran biologi. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa amalan pendekatan konstruktivisme dalam kalangan guru dan pelajar adalah pada tahap sederhana.

Kajian dari luar negara yang dilakukan oleh Caprio (1994) dalam Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) mendapati pelajar yang menggunakan pendekatan konstruktivisme lebih berkeyakinan serta bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka berbanding dengan pelajar yang menggunakan kaedah pembelajaran tradisional.

Begitu juga dengan Lord (1997) mendapati pelajar yang menggunakan pendekatan konstruktivisme ini dalam pembelajaran mereka mempunyai sikap yang lebih positif.

Kajian telah dilakukan oleh Hand dan Peterson (1997) di *Secondary College of Victorian, Australia* mendapati seramai 69% pelajar menyukai pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut mereka, pelajar yang terlibat dalam menggunakan pendekatan ini berpeluang untuk berfikir sendiri. Hal ini merupakan faktor penting yang menyebabkan pelajar lebih berdikari dalam pembelajaran.

Kajian juga telah dijalankan oleh Boddy, Watson dan Aubusson (2003) terhadap murid tahun tiga di sebuah sekolah di Australia. Beliau telah menggunakan model konstruktivisme "Five E's" iaitu "Engagement, Exploration, Explanation, Elaboration and Evaluation" di dalam modul yang digunakan oleh murid tahun tiga.

Kajian yang dijalankan oleh Yahya dan Amiruddin (2010), pendekatan pembelajaran secara konstruktivisme dalam kalangan guru-guru teknikal bagi mata pelajaran teknikal, mendapati guru-guru teknikal memahami dan mengaplikasikan pembelajaran secara konstruktivisme di dalam kelas (min = 4.19). Selain itu, keadaan pelajar yang telah dikenalkan dengan pendekatan pembelajaran secara konstruktivisme menunjukkan mereka lebih faham (min = 3.98) dan kelihatan lebih aktif (min = 3.94) sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Kajian oleh Betsy Vine terhadap Keberkesanan pembelajaran konstruktivisme di dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Satu tinjauan bagi pelajar Sijil Kejuruteraan Awam Semester 4 di Politeknik Sultan Hj. Ahmad Shah, Pahang, dapatan kajiannya menunjukkan terdapat peningkatan dan perbezaan prestasi bagi pelajar yang menjalani pembelajaran konstruktivisme ini berbanding pelajar yang tidak mengamalkan gaya pembelajaran tersebut. Oleh itu, gaya pembelajaran konstruktivisme ini boleh dijadikan sebagai satu alternatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Zainal Abidin & Afrinaleni (2010), kajian mereka terhadap keberkesanan kaedah konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik mendapati bahawa terdapat peningkatan prestasi pelajar. Peningkatan kelulusan 15 % selepas menggunakan kaedah konstruktivisme. Hasil kajian menunjukkan pendekatan konstruktivisme adalah lebih berkesan dan sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran matematik di dalam bilik darjah berbanding pendekatan tradisional.

Rizawati (2010) melalui kajian tinjauannya terhadap Penggunaan Model Konstruktivisme dalam matapelajaran Sains Pertanian mendapati fasa-fasa yang selalu diamalkan oleh guru ialah fasa penstrukturan semula dan fasa pencetusan idea. Fasa orientasi atau set induksi kurang dititik beratkan oleh guru berdasarkan min yang paling rendah iaitu 0.33 berbanding fasa-fasa lain.

Chong (2008), dalam kajiannya tentang pelaksanaan pengajaran berasaskan konstruktivisme oleh pelatih Sains dan Matematik UTM semasa latihan mengajar, mendapati bahawa terdapat hubungan yang tinggi antara pengetahuan guru pelatih Sains dan Matematik UTM tentang konstruktivisme dengan pelaksanaan ciri-ciri konstruktivisme, manakala terdapat hubungan yang sederhana antara pengetahuan guru pelatih Sains dan Matematik UTM tentang konstruktivisme dengan pelaksanaan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham semasa latihan mengajar.

Kajian Noor Azliza & Lilia (2002) terhadap Reka bentuk dan keberkesanan pembelajaran berbantuan multimedia pendekatan konstruktivisme bagi Sains KBSM, mendapati bahawa kebolehlaksanaan dan keberkesanan prototaip ini secara keseluruhannya ia berada pada tahap sederhana dan ia juga dikenalpasti dapat membantu peningkatan kefahaman pelajar dalam tajuk ini.

Noor Hayati, Noor Azliza & Ismail Khairullah (2008), hasil kajian mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan konstruktivisme menerusi pembelajaran inkuiri-penemuan bagi topik sel tumbuhan, menunjukkan bahawa min markah kumpulan pelajar yang diajar menggunakan pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan konstruktivisme lebih tinggi berbanding min markah kumpulan pelajar yang diajar menggunakan kaedah tradisi. Ini membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan konstruktivisme adalah lebih berkesan berbanding kaedah tradisi yang biasa dilaksanakan.

2.8 Kesimpulan

Pada keseluruhannya, berdasarkan tinjauan daripada kajian-kajian terdahulu telah banyak mempengaruhi pengkaji dalam menentukan metodologi yang digunakan di dalam kajian ini. Misalnya, penggunaan teori-teori dan model-model yang sesuai digunakan dan bentuk-bentuk penilaian dalam kajian ini. Bab ini menghuraikan mengenai pengenalan konstruktivisme, faktor-faktor dalam pendekatan konstruktivisme, teori-teori dan model-model berkaitan pendekatan konstruktivisme dan tinjauan kajian-kajian terdahulu tentang keberkesanan pendekatan pengajaran konstruktivisme. Berdasarkan kajian-kajian lepas, faktor-faktor dalam pendekatan pengajaran konstruktivisme banyak mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha peningkatan pencapaian prestasi pelajar.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini menyentuh tentang kaedah penyelidikan yang mana menurut Kelling (1989), kaedah penyelidikan adalah suatu tatacara pengolahan data yang dikumpul mengikut perancangan yang teliti dan sistematik terhadap pembentukan perkaitan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Metodologi kajian pula adalah merujuk kepada cara memperoleh maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat kajian (Majid, 1993).

Bab ini seterusnya akan menjelaskan tentang reka bentuk kajian, populasi dan persampelan, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur-prosedur dalam pengumpulan data dan prosedur-prosedur dalam penganalisan data yang akan digunakan dalam kajian.


3.1 Reka bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dalam situasi normal di dalam kelas yang ingin dikaji di sekolah rendah. Kajian ini merupakan satu kajian eksperimental yang hanya melibatkan dua kumpulan responden iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang mana setiap satu kumpulan mempunyai 40 orang murid. Kedua-dua kumpulan ini mempunyai keputusan yang hampir sama dalam pencapaian subjek Bahasa Melayu Kertas 1, khususnya dalam topik Sistem Bahasa.

Reka bentuk kajian merupakan satu rangka kerja untuk mendapatkan satu kesimpulan atau jawapan terhadap satu persoalan. Yin (1994) (dalam Mad Rosli, 2009). Dengan adanya reka bentuk kajian, penyelidik akan dibimbing sepanjang proses pengumpulan maklumat, menganalisis dan menterjemahkan pemerhatian yang telah dijalankan.

Reka bentuk ini ditadbir dalam dua fasa ujian iaitu ujian pra dan ujian pos. Ia juga merupakan rekabentuk yang didasarkan kepada kumpulan tidak seimbang atau tidak setara. Reka bentuk kajian kuasi eksperimen adalah berdasarkan kumpulan kawalan tidak setara (Campbell & Stanley, 1966). Kumpulan tidak setara merujuk kepada sekurang-kurangnya salah satu ciri di antara kumpulan-kumpulan akan mempunyai nilai jangkaan yang berbeza walaupun sesuatu eksperimen tidak memberi kesan (Cook & Campbell, 1979). Seterusnya mereka berpendapat, alat kajian yang sama atau setara tidak sesuai digunakan bagi menilai prestasi pelajar di dalam mata pelajaran yang sebelum ini tidak

dipelajari. Jenis maklumat yang diperlukan ialah skor markah berdasarkan ujian pra dan ujian pos. Rekabentuk kajian ini adalah seperti berikut;



Rajah 3.0: Kerangka Ujian

Kumpulan Rawatan : Menggunakan pendekatan pengajaran Konstruktivisme.

Kumpulan Kawalan : Menggunakan pendekatan pengajaran Tradisional.

Berdasarkan rajah 3.0 di atas, prosedur dan pelaksanaan pendekatan pembelajaran Konstruktivisme adalah seperti berikut:-

Kedua-dua kumpulan akan diberi Ujian Pra secara serentak. Ujian Pra dijalankan bagi mengetahui tahap kesediaan dan pengetahuan sedia ada pelajar. Dua bulan selepas mengadakan ujian Pra, kedua-dua kumpulan akan sekali lagi diberi ujian Pos secara serentak. Ujian Pos hanya diberi setelah kumpulan rawatan sudah menjalani proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah pendekatan Konstruktivisme. Manakala kumpulan kawalan pula, hanya diajar menggunakan kaedah biasa atau tradisional.

Soalan-soalan ujian adalah berbentuk aneka pilihan atau soalan objektif yang diklasifikasikan kepada 30 item soalan dan pembinaan item soalan adalah berdasarkan enam aras Taksonomi Bloom. Soalan-soalan ujian bagi kedua-dua ujian tersebut adalah sama diperingkat ujian pra, kedudukan nombor soalan diubah pada peringkat ujian pos.

Data-data kajian dikumpul dengan berpandukan prosedur-prosedur tertentu seperti; Mendapatkan kebenaran guru kelas bagi kedua-dua kelas iaitu Kelas A merupakan kumpulan Rawatan dan Kelas B adalah kumpulan Kawalan. Bagi kumpulan Rawatan Kelas A, pengkaji terlibat secara langsung dalam kajian yang menggunakan pendekatan pembelajaran konstruktivisme manakala kumpulan Kawalan Kelas B, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah dijalankan oleh guru Bahasa Melayu kelas tersebut yang menggunakan kaedah pendekatan pembelajaran Tradisional.

Pelajar bagi kedua-dua kelas akan menjawab soalan-soalan objektif dalam ujian pra untuk mendapatkan pengetahuan sedia ada pelajar.

Selama lapan minggu, pelajar kumpulan rawatan akan diajar menggunakan pendekatan pembelajaran konstruktivisme, manakala kumpulan kawalan akan diajar menggunakan kaedah tradisional untuk topik Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1.

Seterusnya, pelajar kedua-dua kumpulan akan diuji dengan soalan ujian pos bagi mengetahui keberkesanan kaedah pengajaran konstruktivisme berbanding kaedah tradisional.

Setelah mendapatkan data mentah daripada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang terlibat, data-data kemudian dianalisis dengan menggunakan perisian komputer “*Statistical Package For Social Science*” (SPSS) v. 19.0. Seterusnya data-data yang diperolehi dibincangkan untuk mendapatkan keputusan kajian.

3.2 Populasi dan Persampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada 80 orang murid Tahun 5 dan kesemuanya dijadikan sebagai sampel kajian. Pelajar ini dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan rawatan Kelas A dan kumpulan kawalan Kelas B yang terdiri daripada 40 orang pelajar bagi setiap kumpulan yang mempunyai purata min markah yang hampir setara di antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain.

3.3 Instrumen Kajian

Soalan-soalan objektif dalam setiap ujian adalah merupakan instrumen utama bagi mendapatkan data yang berbentuk skor mentah dari sampel kajian. Instrumen kajian adalah penting dalam proses mendapatkan data. Menurut Mohd Najib (1994), instrumen kajian merupakan satu alat ukur bagi penyelidikan dan ia adalah penting bagi mencapai objektif dalam penyelidikan. Instrumen kajian yang digunakan ialah soalan-soalan objektif atau aneka pilihan yang ditadbir melalui Ujian Pra dan Ujian Pos.

Soalan-soalan ini dibina dengan merujuk kepada Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5, buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 dan dari sumber-sumber lain yang diperakui kesahihannya oleh ketua panitia Bahasa Melayu sebagai sumber rujukan yang berkaitan dengan Bahasa Melayu Kertas 1 khususnya penggunaan sistem bahasa. Secara ringkasnya analisis soalan adalah seperti jadual berikut;

Aras Taksonomi Bloom	Bilangan Soalan
Pengetahuan	5
Pemahaman	5
Aplikasi	5
Analisis	5
Sintesis	5
Penilaian	5
Jumlah soalan	30

Jadual 3.0: Ringkasan analisis soalan mengikut aras Taksonomi Bloom

3.3.1 Ujian Pra

Ujian Pra mengandungi 30 soalan objektif atau aneka pilihan. Ujian Pra dibina dengan mengadaptasi soalan-soalan dari buku teks Tahun 5, buku kerja yang berkaitan dan beberapa buah buku tempatan yang sama isi kandungannya. Item-item soalan difokuskan pada penggunaan sistem bahasa di dalam kertas peperiksaan Bahasa Melayu, Kertas 1 tanpa menyentuh 10 soalan pemahaman. Ujian ini akan diberikan kepada 80

orang responden secara serentak selepas pelajar mendapat penerangan tentang topik kajian. Ujian pra ditadbir selama 30 minit.

Ujian Pra yang disediakan ini akan disemak oleh guru Bahasa Melayu yang juga merupakan ketua panitia Bahasa Melayu yang telah berpengalaman lebih daripada sepuluh tahun mengajar. Ini bertujuan untuk memastikan persoalan yang diuji mengandungi isi kandungan yang memenuhi hasil pembelajaran seperti digariskan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Berdasarkan cadangan yang mungkin diberikan oleh guru Bahasa Melayu ini, pemurnian dilakukan selepas penyemakan terhadap cadangan jika ada.

Di samping itu, Ujian Pra juga telah diuji kepada sampel kajian rintis untuk memastikan tahap soalan yang disediakan bersesuaian dan soalan yang disediakan difahami. Sekiranya terdapat soalan yang dikenal pasti kabur atau menimbulkan persoalan kepada sampel ketika menyelesaikannya, sekali lagi pemurnian akan dilakukan.

3.3.2 Ujian Pos

Ujian Pos akan diberikan kepada pelajar selepas kumpulan rawatan telah diajar dengan menggunakan pendekatan pembelajaran konstruktivisme. Ujian Pos juga diberi kepada kumpulan kawalan secara serentak. Bentuk soalan ujian Pos adalah sama dengan ujian Pra tetapi nombor soalan diubah kedudukannya. Ujian ini juga akan ditadbir selama 30 minit. Oleh kerana pengkaji terlibat secara langsung dalam kajian ini, Ujian Pos ini akan

disemak oleh pengkaji sendiri. Data-data yang terhasil akan dikumpul dan akan diproses dalam aplikasi SPSS versi 19.0 bagi menentukan perbezaan dalam ujian dan dapatan kajian tentang sejauhmana keberkesanan pendekatan pembelajaran konstruktivisme terhadap prestasi pelajar berbanding dengan pendekatan pengajaran tradisional.

3.4 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian yang digunakan. Di samping itu, ia juga bertujuan bagi memastikan kefahaman responden dari segi bahasa atau struktur ayat yang digunakan. Hasil kajian rintis juga akan dianalisis menggunakan SPSS v.19.0 bagi mengetahui ketekalan instrumen dan seterusnya untuk memperbaiki mutu soalan dan juga reka bentuk kajian.

Bagi tujuan kajian ini, Penyelidik telah menjalankan satu kajian rintis terhadap sekumpulan 40 orang pelajar Tahun 5 yang tidak dilibatkan dalam kajian ini. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk membantu penyelidik menapis perancangan pengumpulan data dengan memberi perhatian kepada kandungan data dan prosedur yang perlu diikuti. Ia juga membantu penyelidik membina satu panduan yang sesuai dan seterusnya dapat menyediakan penjelasan tentang konsep kepada reka bentuk kajian dengan baik. Penyelidik telah menggunakan instrumen yang sama untuk menguji ketekalan instrumen terhadap kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan.

3.4.1 Kesahan Instrumen

Kesahan instrumen ini telah dibincangkan dengan teliti bersama guru-guru Bahasa Melayu dan dirujuk pada Ketua Panitia Bahasa Melayu. Kesahan instrumen menurut Cresswell (2008), pengkaji akan membandingkan dua kumpulan menggunakan sampel homogen di mana pengasingan pelajar dilakukan antara dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kawalan. Kedua-dua kelas mempunyai tahap pencapaian yang hampir sama. Ini adalah bertujuan bagi mengelakkan pemilihan pelajar yang lebih pintar, mudah memahami dan biasa dengan rawatan yang dijalankan.

3.4.2 Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan instrumen akan diproses melalui penggunaan aplikasi SPSS versi 19.0. Dapatan hasil kajian rintis dengan menggunakan instrumen yang sama, didapati cronbach-Alpha yang diperoleh ialah 0.87. Guildford (1956), Sadler-Smith dan Tsang, (1998) (dalam Ruzlan & Fuziah, 2009) menyatakan bahawa sesuatu ujian atau pengukuran mempunyai ketekalan dalaman apabila pekali kebolehpercayaannya bernilai sekitar 0.7. Menurut Najib (1999), jika nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.6 maka instrumen tersebut sesuai untuk digunakan. Nilai ini mempunyai kebolehpercayaan yang bersesuaian dengan kenyataan Mohd Majid (1994), meskipun tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, pekali yang lebih daripada 0.6 sering digunakan dan menjadi rujukan paling minimum untuk diterima. Nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima pakai adalah antara 0.6 hingga 1. Tambahnya lagi, kajian yang mencapai nilai alfa lebih

daripada 0.6 adalah mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan item yang tinggi. Menurut Sekaran (2000) (dalam Mad Rosli, 2009) pula, semakin tinggi nilai pekali iaitu menghampiri nilai 1, maka semakin baik sesuatu instrumen.

3.5 Prosedur Memungut Data

Pengumpulan data menggunakan instrumen yang berbentuk ujian adalah berdasarkan kepada hanya sebuah kelas digunakan sebagai subjek kajian iaitu kumpulan rawatan yang terdiri daripada 40 orang pelajar sebagai sampel rawatan. 40 orang pelajar lagi adalah dalam kelas kawalan. Ujian pra dan ujian pos akan dilakukan ke atas kumpulan rawatan dan kawalan. Bagi kelas rawatan, akan diolah dengan menggunakan pendekatan pengajaran konstruktivisme selama tempoh lapan minggu.

3.6 Prosedur Menganalisis Data

Data yang dikumpulkan melalui ujian pra dan ujian pos akan dikodkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 19.0 bagi mendapatkan data yang tepat. Data-data ini dikumpulkan melalui ujian pra dan ujian pos bagi soalan sistem bahasa dalam Bahasa Melayu Kertas 1. Maklumat-maklumat dan data-data mentah yang diperolehi hasil daripada penelitian dalam penyemakan soalan ujian yang dijalankan akan dianalisa. Menurut Mohamed Sharif (2001) (dalam Mad Rosli, 2009) tujuan penganalisan data ialah untuk mencari makna dalam data dan ini dijalankan secara menyusun dan membentangkan maklumat secara sistematik. Menurut

Schwandt (1997) (dalam Mad Rosli,2009), analisa data merupakan aktiviti untuk memberikan makna, menginterpretasi atau memberi teori kepada data. Penyelidik menyusun data supaya perbandingan, kontra dan pemerhatian yang lebih halus dibuat dan ditunjukkan.

Bagi melihat perbezaan keberkesanan pelaksanaan teori pembelajaran konstruktivisme, pengkaji menggunakan ujian-t bagi menguji hipotesis yang dibina. Bagi menguji hipotesis tersebut, ujian aras signifikan alpha 0.05 digunakan bagi menentukan aras signifikan. Ini bermaksud bahawa penerimaan dan penolakan hipotesis adalah berasaskan kesignifikan nilai pada aras keyakinan 95%.

Markah beza bagi setiap pemboleh ubah bersandar bagi kumpulan rawatan diperoleh dengan cara; Markah Ujian pos – Markah Ujian Pra. Min markah beza digunakan untuk menjalankan ujian-t. Ujian-t digunakan untuk mengesan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar dalam 6 bahagian Taksonomi Bloom iaitu Pengetahuan, Pemahaman, Aplikasi, Analisis, Sintesis, dan Penilaian.

3.7 Kesimpulan

Pengumpulan data yang dilakukan dalam kajian ini berdasarkan langkah-langkah sistematis dengan menggunakan kajian eksperimen. Rumusan serta kesimpulan akan dibuat berdasarkan data yang telah dianalisa khususnya tentang pelaksanaan teori pembelajaran konstruktivisme melalui pendekatan pengajaran konstruktivisme yang menguji sama ada ia memberi kesan terhadap peningkatan pencapaian dalam enam fasa Taksonomi Bloom iaitu Pengetahuan, Pemahaman, Aplikasi, Analisis, Sintesis, Penilaian yang sememangnya digunakan di dalam pembinaan ujian dan peperiksaan sebenar.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini memaparkan tentang data-data yang telah dikutip, dikumpul, diproses dan dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package For Social Science*” (SPSS)v. 19.0. Alat ukur di dalam kajian ini adalah menggunakan Ujian Pra dan Ujian Pos.

Data dikumpulkan melalui dua set soalan iaitu soalan ujian pra dan soalan ujian pos ke atas dua kumpulan responden iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Data ujian pra dikutip adalah untuk melihat tahap pengetahuan sedia ada kedua-dua kumpulan tentang penggunaan sistem bahasa dalam Bahasa Melayu. Perbandingan skor ujian pos pula dijalankan untuk melihat perbezaan pencapaian antara kumpulan yang diajar secara berpusatkan guru atau secara tradisional berbanding dengan pengajaran dan pembelajaran secara pendekatan konstruktivisme. Data yang diperolehi dianalisis untuk mengenalpasti sama ada pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan konstruktivisme adalah sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Melayu Kertas 1.

Dalam kajian ini, ujian-t digunakan untuk melihat kesan pemboleh ubah bebas ke atas pemboleh ubah bersandar. Sekiranya nilai signifikan adalah $p < 0.05$, ini bermakna, pemboleh ubah tersebut mempunyai perbezaan yang signifikan, manakala sekiranya nilai signifikan $p > 0.05$, ini bermaksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut.

Analisis deskriptif juga digunakan untuk menerangkan dapatan kajian berkaitan demografi responden secara khusus di samping untuk melihat perbezaan pencapaian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam kedua-dua ujian iaitu ujian pra dan ujian pos yang merujuk kepada perbandingan min antara kedua-dua kumpulan.

4.1 Data Demografi

Sampel kajian terdiri daripada 80 orang murid Tahun 5 yang telah dibahagikan kepada dua kumpulan, 40 orang murid dalam kumpulan rawatan iaitu kumpulan murid yang telah didedahkan dengan pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan konstruktivisme dalam topik sistem bahasa bagi subjek Bahasa Melayu, Kertas 1 dan 40 orang murid lagi dalam kumpulan kawalan iaitu kumpulan murid yang menerima pengajaran pembelajaran dengan menggunakan kaedah tradisional atau pengajaran berpusatkan guru. Kedua-dua kumpulan menjalani dua jenis ujian iaitu ujian Pra dan ujian Pos dengan menggunakan dua set soalan dan kedua-dua kumpulan diberi ujian serentak mengikut jenis ujian.

Taburan maklumat demografi responden kajian adalah seperti berikut;

4.1.1 Jantina Keseluruhan Responden

Jadual 4.0

Taburan responden mengikut jantina (n = 80) secara keseluruhan

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	44	55
Perempuan	36	45
Jumlah	80	100

Berdasarkan jadual, menunjukkan responden kajian terdiri daripada 44 orang (55%) lelaki manakala sejumlah 36 orang (45%) adalah perempuan. Ini bermakna taburan responden kajian mengikut jantina mendapati pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan.

4.1.2 Jantina Responden Mengikut Kumpulan

Jadual 4.1

Taburan responden mengikut jantina kumpulan (n = 40)

Kumpulan	Jantina	Frekuensi	Peratus
Rawatan	Lelaki	17	21.3
	Perempuan	23	28.8
Kawalan	Lelaki	27	33.8
	Perempuan	13	16.3
Jumlah		80	100

Berdasarkan jadual 4.1, menunjukkan jantina responden kajian mengikut kumpulan. Kumpulan Rawatan terdiri daripada 17 orang (21.3%) lelaki manakala sejumlah 23 orang (28.8%) adalah perempuan. Manakala Kumpulan Kawalan, 27 orang (33.8%) lelaki dan 13 orang (16.3%) adalah perempuan. Dengan ini, taburan jantina responden kajian mengikut kumpulan mendapati bahawa pelajar perempuan adalah lebih ramai dari pelajar lelaki dalam kumpulan rawatan. Sebaliknya, pelajar lelaki lebih ramai dari pelajar perempuan dalam kumpulan kawalan.

4.1.3 Kumpulan

Jadual 4.2

Taburan Responden Mengikut Kumpulan (n = 80)

Kumpulan	Frekuensi	Peratus
Rawatan	40	50
Kawalan	40	50
Jumlah	80	100

Taburan responden mengikut kumpulan, didapati seramai 40 orang (50%) berada dalam kumpulan Rawatan dan seramai 40 orang (50%) berada dalam kumpulan Kawalan. Keseimbangan pembahagian responden ini memudahkan pengkaji menganalisis data.

4.2 Analisis Statistik Deskriptif Pemboleh ubah Kajian

Analisis secara deskriptif dilakukan adalah untuk melihat perbezaan pencapaian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam kedua-dua ujian iaitu ujian pra dan ujian pos yang merujuk kepada perbandingan min antara kedua-dua kumpulan.

Kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan telah menjalani ujian pra dan ujian pos secara serentak. Skor kedua-dua ujian bagi kedua-dua kumpulan telah dikumpul dan

dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan gambaran yang jelas.

Jadual 4.3

Perbandingan Min Skor Ujian Pra dan Ujian Pos di antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan

Kumpulan	Ujian	N	Min	SP	Ralat Piawai	Min	Perbezaan Min
Rawatan	Pra	40	67.55	9.866	1.560		2.85
Kawalan		40	64.70	8.985	1.421		
Rawatan	Pos	40	79.13	7.279	1.151		8.88
Kawalan		40	70.25	7.938	1.255		

Dalam Jadual 4.3, menunjukkan perbandingan min markah ujian bagi kumpulan kawalan iaitu kumpulan yang diajar berpusatkan guru dan kumpulan rawatan yang menggunakan pengajaran pendekatan konstruktivisme menerusi kemahiran sistem bahasa, Bahasa Melayu, Kertas 1. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan nilai min markah yang diperolehi oleh kedua-dua kumpulan. Kumpulan Rawatan yang diajar menggunakan pendekatan pembelajaran konstruktivisme menunjukkan perbezaan min lebih tinggi berbanding kumpulan yang diajar menggunakan pendekatan pembelajaran tradisional.

4.3 Analisis Hipotesis Kajian

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab persoalan samada wujud perbezaan pencapaian di antara kumpulan murid yang diajar secara pendekatan konstruktivisme berbanding dengan kumpulan murid yang diajar secara tradisional. Penganalisan dikemukakan seperti berikut:-

4.3.1 Perbezaan pencapaian di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan

Soalan Kajian

Adakah terdapat perbezaan pencapaian kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan secara keseluruhan?

Hipotesis 1

Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pengajaran Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1 secara keseluruhan.

4.3.2 Analisis Ujian Pra

Jadual 4.4

Analisis keputusan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pencapaian ujian pra secara keseluruhan.

Kumpulan	N	Min	SD	Perbezaan Min	Nilai-t	df	Sig (2 hujung)
Rawatan	40	67.55	9.866	2.85	1.351	78	.181
Kawalan	40	64.70	8.985				

Signifikan pada aras $p > 0.05$

Berdasarkan jadual 4.4, didapati nilai signifikan (2 hujung) melebihi nilai aras signifikan $p > 0.05$. Ini bermakna, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pencapaian ujian pra secara keseluruhan.

4.3.3 Analisis Ujian Pos

Jadual 4.5

Analisis keputusan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pencapaian ujian pos secara keseluruhan.

Kumpulan	N	Min	SD	Perbezaan Min	Nilai-t	df	Sig (2 hujung)
Rawatan	40	79.13	7.279	8.88	5.212	78	.00
Kawalan	40	70.25	7.938				

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Berdasarkan Ujian-t Sampel Bebas, ujian *Levene* didapati tidak signifikan ($p > .05$). Keputusan ujian ini telah memenuhi andaian kehomogenan varians antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pengajaran Bahasa Melayu, kertas 1. Ujian-t sampel bebas adalah signifikan ($t(78) = -5.212$, $p < .05$). Keputusan ini berjaya menolak hipotesis nul dan menerima hipotesis alternatif. Ini menunjukkan min kumpulan rawatan adalah lebih tinggi (79.13) berbanding dengan min kumpulan kawalan (70.25).

Kesimpulannya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pra. Sebaliknya, terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pos bagi kedua-dua kumpulan. Dengan ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran konstruktivisme memberi kesan yang positif dalam pencapaian prestasi pelajar.

4.3.4 Perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan

Soalan Kajian

Adakah terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian pra dan ujian pos dalam kumpulan rawatan?

Hipotesis 2

Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara min markah ujian pra dan min markah ujian pos dalam pendekatan konstruktivisme melalui Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1.

4.3.5 Statistik Sampel Berpasangan

Jadual 4.6

Statistik Ujian-t sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pos kumpulan Rawatan

Ujian	N	Min	SD
Pra	40	67.55	9.866
Pos	40	79.13	7.279

Berdasarkan jadual 4.6, min markah ujian pra bagi 40 orang pelajar dalam kumpulan rawatan ialah (67.55) dengan sisihan piawai (9.866). Di samping itu, min markah ujian pos bagi 40 orang pelajar yang sama ialah (79.13) dengan sisihan piawai

(7.279). Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam min markah ujian pra dengan min markah ujian pos bagi pelajar dalam kumpulan rawatan

4.3.6 Ujian-t Berpasangan

Jadual 4.7

Ujian-t sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pos kumpulan Rawatan

Ujian	Min	SD	Nilai-t	df	Sig (2 hujung)
Pra & Pos	-11.575	5.129	-14.274	39	.00

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Berdasarkan ujian-t berpasangan dua hujung dengan aras alfa $p < 0.05$ adalah signifikan ($t(39) = -14.274$, $p < .05$) antara ujian pra dengan ujian pos. Nilai $t = -14.274$ dengan darjah kebebasan (df) = 39. Manakala selang keyakinan 95% bagi perbezaan min (-13.215, -9.935) yang dihasilkan tidak merangkumi sifar. Justeru, terdapat bukti-bukti yang kukuh untuk membuat kesimpulan bahawa $\mu^1 - \mu^2 \neq 0$ iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pra dengan min markah ujian pos bagi kumpulan pelajar tersebut. Para pelajar dalam kumpulan rawatan memperoleh min markah yang lebih tinggi dalam ujian pos berbanding ujian pra.

4.3.7 Perbezaan pencapaian prestasi antara jantina

Soalan Kajian

Adakah terdapat perbezaan pencapaian prestasi antara pelajar lelaki dan perempuan?

Hipotesis 3

Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara murid lelaki dan murid perempuan dalam pendekatan konstruktivisme melalui Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1.

Jadual 4.8

Keputusan Ujian-t Jantina dengan Skor Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pos dalam kumpulan rawatan

Ujian	Jantina	N	Min	SP	DK	t	p
Pra	Lelaki	17	64.47	10.584	38	-1.279	.209
	Perempuan	23	68.70	10.142	38		
Pos	Lelaki	17	67.18	9.139	38	-1.442	.157
	Perempuan	23	71.70	10.249	38		

Signifikan pada aras $p > .05$

Berdasarkan jadual 4.8, bagi sampel kajian ini ($n=40$), min skor pencapaian dalam ujian pra perempuan ($M=68.70$, $SD=10.142$, $n=23$) adalah lebih tinggi daripada min skor pencapaian ujian pra lelaki ($M=64.47$, $SD=10.584$, $n=17$). Keputusan ujian-t menunjukkan min skor pencapaian dalam ujian pra perempuan dan lelaki adalah tidak berbeza secara signifikan ($t(38)=-1.279$, $p>.05$) dengan perbezaan min sebanyak 4.23. Manakala dalam ujian pos, min skor pencapaian perempuan ($M=71.70$, $SD=10.249$, $n=23$) lebih tinggi daripada min pencapaian lelaki ($M=67.18$, $SD=9.139$, $n=17$) dengan perbezaan min sebanyak 4.72. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan skor pencapaian.

4.4 Kesimpulan

Secara keseluruhan hasil kajian menunjukkan bahawa murid yang berada dalam kumpulan rawatan dan menerima pembelajaran secara pendekatan pembelajaran konstruktivisme mempunyai tahap pencapaian lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan yang menerima pendekatan pembelajaran tradisional dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu, Kertas 1 khususnya dalam topik Sistem Bahasa.

Kajian ini memaparkan tiga hipotesis iaitu hipotesis 1, tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pengajaran Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1 secara keseluruhan. Hipotesis 2, tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara min markah ujian pra dan min markah ujian pos dalam pendekatan konstruktivisme melalui Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1. Bagi hipotesis ke 3, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara murid lelaki dan murid perempuan dalam pendekatan pembelajaran konstruktivisme melalui Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan ingin mengetahui sejauhmana pendekatan pembelajaran konstruktivisme memberi kesan terhadap pencapaian prestasi murid Tahun 5 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas 1 amnya dan dalam Sistem Bahasa khususnya. Kajian ini merupakan kajian eksperimental. Justeru, pengkaji juga ingin melihat sama ada faktor-faktor demografi mempengaruhi tahap pencapaian prestasi murid dari sudut perbezaan kumpulan, perbezaan jenis ujian dan perbezaan jantina. Oleh itu, analisis telah berjaya menghasilkan dapatan kajian untuk menentukan tahap pencapaian prestasi murid tahun 5 terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini juga akan membincangkan analisis yang diperoleh melalui dapatan kajian dan tinjauan literatur, kerangka konseptual kajian, kaedah penyelidikan, dapatan kajian, kesimpulan dan cadangan daripada hasil kajian untuk kajian akan datang.

5.1 Ringkasan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan ingin mengetahui sejauhmana pendekatan pembelajaran konstruktivisme memberi kesan terhadap pencapaian prestasi murid Tahun 5 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas 1 amnya dan dalam Sistem Bahasa khususnya. Kajian ini juga ingin melihat sama ada faktor-faktor demografi mempengaruhi tahap pencapaian prestasi murid dari sudut perbezaan pencapaian dalam kumpulan, perbezaan jenis ujian dan perbezaan jantina.

Objektif dalam kajian ini secara umum untuk mengkaji strategi pengajaran menggunakan pendekatan konstruktivisme yang dilaksanakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Secara khususnya, kajian ini bertujuan;

- i) Mengenal pasti pencapaian murid di dalam topik Sistem Bahasa.
- ii) Mengenal pasti sama ada pembelajaran berasaskan pendekatan konstruktivisme ini memberi kesan terhadap prestasi pelajar.

Oleh itu, bagi mencapai objektif kajian ini, persoalan kajian telah dibentuk. Dapatan kajian ini di kumpul dan dianalisis dengan menggunakan *Statistic Packages For The Social Science (SPSS)* versi 19.0. Persoalan kajian tersebut adalah;

- i) Adakah terdapat perbezaan pencapaian kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan secara keseluruhan?

- ii) Adakah terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan?
- iii) Adakah terdapat perbezaan pencapaian prestasi antara pelajar lelaki dan perempuan?

Untuk menjawab segala persoalan kajian di atas, tiga hipotesis kajian telah dibentuk. Hipotesis kajian itu adalah;

- H₀₁: Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pengajaran Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1 secara keseluruhan.
- H₀₂: Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara min markah ujian pra dan min markah ujian pos dalam pendekatan konstruktivisme melalui Sistem Bahasa, Bahasa Melayu kertas 1 bagi kumpulan rawatan.
- H₀₃: Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara murid lelaki dan murid perempuan dalam pendekatan konstruktivisme melalui Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1.

Kesemua hipotesis ini diuji dengan hanya menggunakan ujian-t berpasangan dan ujian-t sampel bebas.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian Pra dan ujian Pos. Instrumen kajian ini terdiri daripada 30 soalan objektif atau aneka pilihan yang merangkumi sistem bahasa dan bersesuaian dengan menggunakan enam aras Taksonomi Bloom. Ditetapkan lima soalan pada setiap aras iaitu aras pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.

Populasi kajian terdiri daripada 80 orang murid Tahun 5 dan oleh kerana bilangannya yang kecil, kesemua dijadikan sebagai sampel kajian. Pelajar ini dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan rawatan Kelas A dan kumpulan kawalan Kelas B yang terdiri daripada 40 orang pelajar bagi setiap kumpulan yang mempunyai purata min markah yang hampir setara di antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain.

5.2 Penemuan Kajian

Hasil kajian yang dijalankan telah menemui penemuan-penemuan kajian seperti berikut;

1. Tidak terdapat perbezaan pencapaian antara kedua-dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam subjek Bahasa Melayu secara keseluruhan melalui ujian pra.
2. Terdapat perbezaan pencapaian antara kedua-dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam subjek Bahasa Melayu secara keseluruhan melalui ujian pos.
3. Terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara min markah ujian pra dan min markah ujian pos dalam pendekatan konstruktivisme melalui Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1.
4. Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara murid lelaki dan murid perempuan dalam pendekatan konstruktivisme melalui Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1.
5. Pendekatan pembelajaran konstruktivisme memberi kesan positif terhadap pencapaian prestasi pelajar.

6. Pendekatan pembelajaran konstruktivisme adalah lebih berkesan digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbanding pendekatan pembelajaran tradisional.
7. Kajian eksperimental sesuai digunakan dalam kajian ini kerana membahagikan responden kepada dua kumpulan. Ini memudahkan penganalisan data terutamanya dalam data memerlukan perbezaan antara pemboleh ubah.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian akan dibincangkan dengan teliti dalam bahagian ini. Perbincangan ini adalah berpandukan kepada objektif kajian, persoalan kajian, pengujian hipotesis dan hasil keputusan tersebut akan disokong dengan kajian-kajian lepas.

Berdasarkan data demografi kajian, analisis deskriptif telah dilakukan ke atas 80 orang responden dan mendapati bahawa pendekatan pembelajaran konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas 1 dari sudut sistem bahasa memberi kesan positif terhadap pencapaian prestasi pelajar. Kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan telah menjalani ujian pra sebelum responden ini menjalani kaedah pengajaran yang berbeza. Kumpulan rawatan telah didedahkan dengan kaedah pengajaran pendekatan konstruktivisme manakala kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah tradisional. Kumpulan rawatan menjalani pembelajaran

pendekatan konstruktivisme selama lapan minggu dan sebaik sahaja selesai, responden ini diuji sekali lagi dengan menggunakan instrumen ujian pos.

Analisis deskriptif dilakukan adalah untuk melihat perbezaan pencapaian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan melalui kedua-dua ujian iaitu ujian pra dan ujian pos. Ujian pra diberikan bertujuan untuk melihat kesediaan dan pengetahuan sedia ada murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas 1 manakala ujian pos diberi setelah tempoh rawatan selama lapan minggu dengan menggunakan kaedah pendekatan pengajaran konstruktivisme terhadap kumpulan rawatan dan secara serentak ujian pos diberikan juga ke atas kumpulan kawalan yang hanya mengikuti kaedah pengajaran tradisional.

Berdasarkan ujian-t sampel bebas adalah signifikan ($t(78)=-5.212$, $p<.05$). Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan nilai min markah yang diperolehi oleh kedua-dua kumpulan. Nilai min kumpulan rawatan adalah lebih tinggi (79.13) berbanding kumpulan kawalan (70.25).

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Mad Rosli (2009), ujian pra dan ujian pos dijalankan ke atas kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Hasil analisis kajian menunjukkan kumpulan eksperimen memperlihatkan peningkatan sebanyak 0.22 setelah melalui proses pembelajaran secara konstruktivisme. Selain itu, dapatan ini juga disokong oleh kajian Yahya dan Amirudin (2010), keadaan pelajar yang telah dikenalkan dengan pendekatan pembelajaran konstruktivisme menunjukkan mereka lebih faham

(min=3.98) dan kelihatan lebih aktif (min=3.94) sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Bagi menjawab soalan kajian, adakah terdapat perbezaan pencapaian kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan secara keseluruhan? Analisis statistik telah digunakan dengan membandingkan antara dua ujian iaitu ujian pra dan ujian pos. Dapatan kajian dalam ujian pra menunjukkan pengetahuan sedia ada pelajar kedua-dua kumpulan tidak ada perbezaan. Dapatan ini selari dengan kajian Noor Hayati, Noor Azliza & Ismail Khairullah (2008), kedua-dua kumpulan mempunyai corak pencapaian bagi ujian pra yang hampir sama iaitu tiada perbezaan yang signifikan bagi kedua-dua kumpulan tersebut. Briddle dan Rossi (1987) (dalam Noor Hayati, Noor Azliza & Ismail Khairullah, 2008) menyokong dapatan ini dengan menyatakan semua sampel kemungkinan mempunyai pengetahuan yang hampir sama.

Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian Mad Rosli (2009) yang mendapati tiada perbezaan signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam pencapaian ujian pra secara keseluruhan. Secara tidak langsung, data ini menunjukkan pengetahuan sedia ada pelajar kedua-dua kumpulan tidak ada perbezaan. Tambahnya lagi, situasi ini sesuai bagi pengkaji menjalankan kajian eksperimen apabila menjadikan satu kumpulan sebagai kumpulan kawalan agar dapat membezakan kesan antara penggunaan kaedah pembelajaran secara tradisional dan pembelajaran secara pendekatan konstruktivisme.

Keputusan ujian pos pula, adalah berdasarkan analisis ujian-t berpasangan dan didapati adalah signifikan ($t(39) = -14.274, p < .05$) antara ujian pra dengan ujian pos. Nilai $t = -14.274$ dengan darjah kebebasan (df)=39. Manakala selang keyakinan 95% bagi perbezaan min (-13.215, -9.935) yang dihasilkan tidak merangkumi sifar. Sepertimana yang terdapat dalam hipotesis kajian, keputusan ini telah menjawab kepada hipotesis tersebut. Para pelajar dalam kumpulan rawatan memperoleh min markah yang lebih tinggi dalam ujian pos berbanding ujian pra. Ini menunjukkan bahawa kaedah pendekatan konstruktivisme ternyata dapat meningkatkan prestasi pelajar.

Keputusan ini selari dengan kajian Noor Hayati, Noor Azliza & Ismail Khairullah (2008), analisis ujian pos menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian pelajar yang diajar dengan menggunakan pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan konstruktivisme. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Zainal Abidin & Afrinaleni (2010), dengan menggunakan kaedah konstruktivisme, prestasi pelajar meningkat dan proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan. Buktinya terdapat kesan signifikan terhadap kaedah ini berbanding kaedah tradisional.

Analisis statistik bagi perbezaan pencapaian di antara ujian pra dan ujian pos dalam kumpulan rawatan telah diuji dengan menggunakan ujian-t berpasangan. Statistik sampel berpasangan menunjukkan bahawa pelajar dalam kumpulan rawatan memperoleh min markah ujian pos yang lebih tinggi secara signifikan (79.13) berbanding dengan min markah ujian pra (67.55). Kaedah pendekatan pembelajaran konstruktivisme yang

diperkenalkan kepada pelajar dalam kumpulan rawatan telah mendatangkan kesan positif atas pencapaian pelajar dalam topik Sistem Bahasa, Bahasa Melayu Kertas 1.

Dari data analisis ujian-t berpasangan, terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pra dengan min markah ujian pos dalam kumpulan rawatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesan pendekatan pembelajaran konstruktivisme terhadap pencapaian prestasi murid dalam kumpulan rawatan dibuktikan dalam ujian pos. Kajian oleh Mad Rosli (2009) menyokong dapatan ini; Walaupun kedua-dua kaedah memberi peningkatan pencapaian, namun kaedah konstruktivisme telah menunjukkan lebih banyak peningkatan pencapaian berbanding kaedah tradisional.

Berdasarkan soalan dan hipotesis kajian, iaitu ingin melihat perbezaan pencapaian prestasi antara jantina, didapati bahawa analisis responden bagi jantina secara keseluruhan menunjukkan responden lelaki adalah lebih ramai ($n=44$) daripada responden perempuan ($n=36$). Manakala responden kajian mengikut kumpulan mendapati bahawa pelajar perempuan adalah lebih ramai ($n=23$) dari pelajar lelaki ($n=17$) dalam kumpulan rawatan. Sebaliknya, pelajar lelaki lebih ramai ($n=27$) dari pelajar perempuan ($n=13$) dalam kumpulan kawalan.

Keputusan ujian-t menunjukkan min skor pencapaian dalam ujian pra perempuan ($M=68.70$, $SD=10.142$, $n=23$) adalah lebih tinggi daripada min skor pencapaian ujian pra lelaki ($M=64.47$, $SD=10.584$, $n=17$). Dapatan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan secara signifikan ($t(38)=-1.279$, $p>.05$) dengan perbezaan min sebanyak 4.23. Manakala

dalam ujian pos pula, menunjukkan min skor pencapaian perempuan adalah lebih tinggi ($M=71.70$, $SD=10.249$, $n=23$) berbanding lelaki ($M=67.18$, $SD=9.139$, $n=17$) dengan perbezaan min sebanyak 4.72. Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara jantina dengan skor pencapaian.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Ruzlan & Fuziah (2009) terhadap pendekatan belajar mengikut jantina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengikut jantina bagi setiap dimensi yang dikaji. Hasil analisis data juga didapati tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi pendekatan belajar secara keseluruhan. Ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan mengamalkan pendekatan belajar yang hampir serupa.

5.4 Implikasi Dapatan Kajian

Kajian ini memberi beberapa implikasi terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5 khususnya di bawah topik Sistem Bahasa. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan Modul Pendekatan Pembelajaran Konstruktivisme dalam pengajaran Bahasa Melayu, Kertas 1 sangat berkesan dan dapat membantu pelajar memahami konsep dan menguasai isi kandungan tajuk pelajaran Bahasa Melayu dengan baik. Signifikan kajian ini adalah pelajar dalam kumpulan rawatan dapat menjawab soalan Bahasa Melayu mengikut aras Taksonomi Bloom dengan baik dan signifikan berbanding pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan tradisional.

Dapatan kajian ini membuktikan penglibatan pelajar secara aktif sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran membantu mereka untuk mengukuhkan pemahaman tentang sesuatu konsep atau fakta Bahasa Melayu dengan lebih baik. Pelajar juga dapat memperkukuhkan pemahaman tentang konsep atau fakta melalui aktiviti-aktiviti seperti sumbangsaran, perbincangan dan pembantangan.

Dapatlah disimpulkan bahawa kaedah Pendekatan Konstruktivisme dilihat memberi kesan yang positif di dalam pencapaian pelajar melebihi kesan pembelajaran kaedah tradisional. Ini mungkin kerana kaedah Konstruktivisme merupakan kaedah baru yang menarik minat pelajar selain kaedah tradisional yang sering digunakan oleh kebanyakan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Di masa-masa akan datang, guru perlulah mencari kaedah yang lebih terkini untuk menarik minat pelajar untuk terus belajar. Kreativiti dan inisiatif guru sangat memainkan peranan penting dengan mempelbagaikan cara, corak dan pola pengajaran yang sentiasa maju ke hadapan.

5.5 Cadangan Kajian Masa Hadapan

Kajian ini hanya dapat dijalankan di sebuah sekolah sahaja atas beberapa kekangan yang dihadapi seperti masa dan kewangan. Kajian seumpama ini boleh diperluaskan lagi kepada sekolah lain supaya responden yang terlibat lebih ramai dan boleh dibuat generalisasi ke atas semua murid yang terlibat di seluruh Malaysia amnya dan khususnya

daerah masing-masing. Lebih ramai responden yang terlibat dalam kajian akan memantapkan lagi dapatan kajian dari segi membuat generalisasi.

Kajian ini merupakan sebuah kajian eksperimental, pengkaji hanya menggunakan soalan ujian sebagai instrumen kajian dan dengan menggunakan kaedah ujian pra dan ujian pos. Adalah dicadangkan kepada pengkaji-pengkaji baru agar tidak hanya menggunakan soalan ujian sebagai instrumen kajian tetapi sebaliknya bolehlah ditambah dengan menggunakan kaedah soal selidik, temu bual dan pemerhatian agar memperoleh data yang lebih terperinci bagi memantapkan kajian.

Kajian ini dibuat ke atas subjek Bahasa Melayu, Tahun 5 dan terfokus pada kemahiran sistem bahasa yang terpilih sahaja. Justeru, adalah dicadangkan agar kajian akan datang diperluaskan kepada semua item dalam subjek Bahasa Melayu Kertas 1 iaitu semua item dalam sistem bahasa, tatabahasa dan pemahaman.

Dari segi persampelan, kajian ini hanya menggunakan 80 orang pelajar sebagai sampel dan menggunakan dua buah kelas bagi mengklasifikasikan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Oleh itu kajian ini tidak dapat digeneralisasikan. Maka dicadangkan agar kajian lanjutan melibatkan populasi dan persampelan yang lebih besar supaya boleh mewakili populasi lain.

Tempoh rawatan agak singkat iaitu hanya lapan minggu. Adalah dicadangkan agar tempoh memberi rawatan atau pengajaran secara pendekatan konstruktivisme diperpanjangkan kepada dua belas minggu supaya murid dapat menjawab soalan ujian pos dengan tenang dan bersedia untuk memberi jawapan yang lebih sempurna dan tepat.

5.6 Kesimpulan

Kajian ini merupakan satu kajian eksperimental yang mana bertujuan untuk melihat kesan pembelajaran konstruktivisme terhadap pencapaian prestasi murid Tahun 5 berbanding pencapaian prestasi murid yang mengikuti pembelajaran Tradisional.

Seramai 80 orang murid Tahun 5 dijadikan responden kajian. Responden telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang mempunyai bilangan responden sama banyak iaitu 40 orang setiap kumpulan.

Secara keseluruhan, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan objektif kajian yang ditetapkan di awal kajian telah tercapai pada tahap sederhana sahaja. Kajian ini dapat melihat tahap kefahaman pelajar terhadap kaedah pendekatan pembelajaran konstruktivisme serta mengenalpasti kesan kaedah pendekatan pengajaran konstruktivisme terhadap enam aras Taksonomi Bloom berdasarkan ujian pra dan ujian pos. Pelaksanaan kaedah pendekatan pembelajaran konstruktivisme ini dilihat mampu untuk memperkasakan pembelajaran bagi menghasilkan pelajar yang efektif serta lebih kreatif dan inovatif dalam pembelajaran mereka. Di samping itu, pendekatan

pembelajaran konstruktivisme ini juga dapat menggalakkan pelajar belajar secara sendiri dalam mencari dan menimba ilmu pengetahuan dan sesuai dengan arus perubahan dalam teknologi semasa. Kaedah ini juga diharapkan dapat melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang dan sekaligus memartabatkan dunia pendidikan di Malaysia ke arah pendidikan bertaraf dunia.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Othman & Bahtiar Omar (2005). Aplikasi Pembelajaran Secara konstruktivisme dalam Pengajaran Karangan-berpandu. *Masalah pendidikan*, 28, 221-232.
- Abdul Rahim Rashid (1998), Ilmu Sejarah: Teori dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Shukor (2003), Hubungan motivasi, keupayaan mengajar dan komitmen kerja dengan prestasi kerja guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. Kajian Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
- Angela Anthonysamy (1998). Perkembangan pemikiran Matematik pada peringkat awal kanak-kanak: Satu pendekatan konstruktivisme. Dicapai dari <http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/1998/98.Angela.pdf> pada 4 November 2010.
- Arif Sukardi (1987). Prinsip-prinsip (teori) pembelajaran. (20 Dis 2000).
- Arsaythamby Veloo & Arumugam Raman (2009). *Panduan menganalisis & menginterpretasi data*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Ausubel, D. P. (1963). *The psychology of meaningful verbal learning*. New York: Grune.
- Briner, M. (2005). (Atas Talian):
<http://carbon.cudenver.edu/~mryder/itcdatalconstructivism.html>.
- Brooks, J.G. & Brooks, M.G. (1993). Traditional vs. constructivist classrooms. Alexandria, VA: *Association for supervision and curriculum development*, (ASCD), 46-57.
- Brooks, J.G., & Brooks, M.G. (1993). *In search of understanding: The case for constructivist classrooms*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Brooks, J.G. & Books, M.G. (1999). The courage to be constructivist. *Educational leadership*, 57(3).
- Bybee, R. W. (1993). Leadership, responsibility and reform in science education. *Science educator*, 2, 1-9.

- Campbell, D.T & Stanley, J.C (1963). *Experimental an quasi-experimental designs for research*. Boston: Houghton Mifflin Co.
- Creswell, J.W (2002). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. New Jersey. Pearson education, Inc.Merrill Prentice Hall.
- Dick, W. (1992). An instructional designer's view of constructivism. In T. M. Duffy & D. H. Jonassen (Eds.), *Constructivism and the technology of instruction: A conversation*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates. 91-98.
- Dick,M.H. (1994). An Instructional designer's view of constructivism. *Educational technology*, May, 41-44.
- Fosnot, C. T. (1996). Constructivism: A psychological theory of learning. In C. T. Fosnot (Ed.). *Constructivism: Theory, perspectives, and practice*. New York: Teacher College Press. 8-33.
- Gagnon, G.W Dan Collay, M. (2001). Constructivist learning design. Dicapai dari <http://www.prainbow.com/cld/cldp.htm> Pada 1 Mac 2010.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003). *Huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001a). *Pembelajaran secara konstruktivisme*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001b). *Sukatan pelajaran Bahasa Melayu KBSR*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Lord, T.R.,(2001), 101 Reasons for using cooperative learning in biology teaching, *The American Biollogy teaching*, *The American Biology Teacher*, 63,30-38
- Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon (2008). *Pengenalan kepada analisis statistik dalam penyelidikan sains sosial (siri 2)*. Selangor Darul Ehsan: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Mad Rosli Saraamu (2009). Teori konstruktivisme model Needham. Dicapai dari <http://mrosli79family.blogspot.com/> pada 15 April 2011.
- McBrien, J. L., dan Brandt, R. S. (1997). *The language of learning: A guide to education terms*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.

- Mohd. Majid Konting (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur.: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Needham, R. (1987). *Teaching strategies for developing understanding in science*. The University of Leeds: Centre for Studies in Science and Mathematics Education.
- Nik Azis Nik Pa (1999). Pendekatan konstruktivisme radikal dalam pendidikan matematik. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nor Aini Aziz (2002). Keberkesanan pengajaran pendekatan konstruktivisme dalam membina semula konsepsi pelajar tentang konsep-konsep fotosintesis dan makanan. Tesis Ph.D., Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Noor Hayati Saleh, Noor Azliza Ahmad & Ismail Khairullah Mohd Radhzi (2008). Pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan konstruktivisme menerusi pembelajaran inkuiri-penemuan bagi topik sel tumbuhan. Dicapai dari <http://www.kmpk.matrik.edu.my/webrnd> pada 25 April 2011
- Piaget, J. (1970). *Equilibration of cognitive structure*. New York: Viking Press.
- Spiro, R.J., Feltovich, P.L., Jacobson, M.J., & Coulson, R.L. (1992). Cognitive flexibility, constructivism, and hypertext: Random access for advanced knowledge acquisition in ill-structured domains. In T.M. Duffy & D. Jonassen (Eds.), *Constructivism and the technology of instruction: A conversation*. Hillsdale NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Rizawati Ab Halim, (2010). Penggunaan model konstruktivisme dalam mata pelajaran sains pertanian. Dicapai dari www.images.rizawatiagro.multiply.multiplyconten.com pada 18 April 2011.
- Ruzlan Md. Ali & Fuziah Shaffie, (2009). *Amalan pendekatan belajar*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Subadrah Nair dan Malar a/p Muthiah (2005), Penggunaan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pembelajaran sejarah. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Sushkin, N. (1999). (Tajuk artikel tidak dinyatakan). Dicapai dari <http://www.carbon.cudenver.edu/mryder/ite-data/constructivism.html>. Pada 15 November 2010.

- Von Glasersfeld, E. (1995). *Radical constructivism: A way knowing and learning*. London: Falmer.
- Vygotsky, L.S. (1978) *Mind in Society: The development of higher psychological processes*. Cambridge MA: Harvard University Press.
- Yager, R. E. (1991). The constructivist learning model: Towards real reform in science education. *The Science Teacher*, 58(6), 52-57.
- Yahya Buntat & Amirudin Yusof (2010). Pendekatan pembelajaran secara konstruktivisme dalam kalangan guru-guru teknikal bagi mata pelajaran teknikal. Dicapai dari <http://www.eprints.utm.my/> pada 25 April 2011.
- Yin, R. (1994). *Case study research: Design and methods* (2nd ed.) Beverly Hills, CA: Sage Publishing.
- Zainal Abidin Zainuddin & Afrinaleni Suardi (2010). Keberkesanan kaedah konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik. Dicapai dari <http://eprintis.utm.my/> pada 22 Mac 2011.
- Zurida Ismail, Syarifah Norhaidah Syed Idros & Mohd.Ali Samsudin, (2006). *Kaedah Mengajar Sains*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.